



2019

Isi Kandungan

| | |
|---|-------|
| Pengenalan Perpustakaan Laman Hikmah | 1-6 |
| Pencapaian KPI PLH 2019 | 7 |
| Pencapaian Bahagian Perkhidmatan Maklumat | 13-53 |
| Pencapaian Bahagian Pembangunan Sumber | 54 |
| Anugerah 2019 | 88 |



PENGENALAN

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ditubuhkan selaras dengan penjenamaan semula Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di bawah Seksyen 8 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) menerusi Perintah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Pemerbadanan 2007) yang telah diwartakan sebagai P.U. (A) 45/2007 pada 1 Februari 2007. Perpustakaan UTeM berperanan sebagai pusat kecemerlangan ilmu bagi warga UTeM dan mula memberikan perkhidmatannya pada 10 Jun 2001 bersempena dengan pendaftaran pelajar perintis seramai 348 orang di Kampus Sementara di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh Melaka.

Pada 5 September 2005, Perpustakaan Laman Hikmah telah berpindah dari Kampus Sementara ke Kampus Industri dan telah beroperasi sejak 12 September 2005. Perpustakaan Laman Hikmah di Kampus Industri yang berkeluasan 2,229 meter persegi mampu menampung kapasiti pengguna seramai 400 orang pada satu - satu masa. Perpustakaan Laman Hikmah Cawangan Kampus Induk pula menyediakan kapasiti 120 tempat duduk dalam satu - satu masa dengan keluasan ruang 432 meter persegi bagi menampung keperluan pengguna dari dua fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK).

Perpustakaan Laman Hikmah juga telah membuka cawangannya di Kampus Bandar, Jalan Hang Tuah, Melaka yang telah beroperasi pada 01 Oktober 2007 bagi menyediakan kemudahan rujukan untuk pelajar pasca siswazah yang mengikuti kursus di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) dan kursus-kursus jangka panjang / pendek Universiti. Perpustakaan Laman Hikmah cawangan ini boleh menampung kapasiti pengguna seramai 73 orang dalam satu masa. Pada 8 Julai 2009, Perpustakaan Laman Hikmah telah berpindah dari Kampus Industri ke bangunan baru di Kampus Induk, Durian Tunggal dan mula beroperasi sepenuhnya pada 29 September 2009. Ia telah ditutup pada 16 Januari 2019 dan digabungkan bersama Perpustakaan Kampus Teknologi.



PENGURUSAN PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH



ENCIK MOHD ISA MOHD DOM
KETUA PEGAWAI MAKLUMAT



ENCIK AZMAN HJ AYUP
 TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN KANAN
 اونيز ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




ENCIK ARMAN MOHAMMAD
TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER



PUAH SITI SALUWA JAMAL
TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN
BAHAGIAN PERKHIDMATAN MAKLUMAT

STRUKTUR ORGANISASI

Struktur organisasi PLH diterajui oleh Ketua Pustakawan Kanan dan dibantu oleh 2 orang Timbalan Ketua Pustakawan. Terdapat 5 Seksyen dan 13 unit yang diketuai oleh Ketua Bahagian.



VISI

Menjadi pusat maklumat yang terunggul, komprehensif dan kompetitif dalam bidang teknikal

MISI

Menyediakan sumber maklumat dan rujukan yang terbaik serta perkhidmatan berkualiti melalui penggunaan teknologi terkini dalam menyokong Visi dan Misi Universiti.

OBJEKTIF

- Memenuhi keperluan maklumat Universiti dengan menyediakan sumber yang menepati keperluan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan
- Menyedia dan mempromosi perkhidmatan maklumat kepada pelanggan
- Meningkatkan kecekapan penyebaran ilmu dan maklumat kepada pelanggan
- Memupuk budaya ilmu di kalangan warga UTeM dan luar UTeM sebagai masyarakat berpengetahuan
- Membentuk warga Universiti berfikiran kreatif dan inovatif dalam melahirkan ahli profesional yang berketrampilan seiring dengan misi UTeM.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PIAGAM PELANGGAN

- Kami warga Perpustakaan Laman Hikmah berjanji dan beriltizam untuk memberikan perkhidmatan yang cekap, tepat dan berkualiti dengan mengutamakan kepuasan pelanggan.

DASAR KUALITI

Perpustakaan Laman Hikmah komited untuk memberikan perkhidmatan secara profesional, efisyen, berkualiti dan mesra pengguna dengan mengutamakan kepuasan pelanggan serta berusaha ke arah penambahbaikan yang berterusan.

Usaha mencapai kepuasan pelanggan dan penambahbaikan berterusan diterjemahkan kepada objektif kualiti yang disemak dari semasa ke semasa seperti berikut :

OBJEKTIF KUALITI

- Memastikan 90% bahan rujukan yang diproses dalam tempoh 3 bulan dari tarikh penerimaan dikeluarkan daripada Bahagian Pembangunan Koleksi
- Memastikan 95% jumlah pertanyaan pengguna melalui emel rasmi Perpustakaan dijawab dalam tempoh tiga (3) hari bekerja
- Memastikan borang aduan/cadangan pelanggan yang diterima diberi maklumbalas dalam tempoh tiga (3) hari bekerja
- Memastikan 90% bahan yang dimohon melalui Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) diperolehi dalam masa sepuluh (10) hari waktu bekerja
- Memastikan 90% staf mencapai 42 mata CPD (Pembangunan Profesional Berterusan)
- Memastikan keberkesanan pengoperasian Sistem Pengurusan Perpustakaan Bersepadu (LMS) mencapai 99.5%
- Memastikan 5% peningkatan bilangan pengunjung fizikal dan portal Perpustakaan

PENCAPAIAN KPI PLH 2019

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah menetapkan 9 KPI bagi tahun 2019. Rajah di bawah menunjukkan pecahan KPI yang terdiri 3 perkara utama iaitu:

- a) Visibiliti – terdapat 1 KPI
- b) Inisiatif – terdapat 5 KPI
- c) Penganjuran aktiviti – terdapat 3 KPI

Pencapaian KPI PLH secara keseluruhan adalah 89 %



SENARAI KAKITANGAN PLH 2019

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) mempunyai seramai 61 orang kakitangan terdiri daripada pegawai profesional, separa profesional dan kakitangan sokongan seperti berikut :

| BIL | NAMA | JAWATAN | GRED |
|-----|-------------------------------|------------------------------------|------|
| 1 | AZMAN BIN HJ. AYUP | TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN KANAN | S52 |
| 2 | SITI SALUWA BINTI JAMAL | TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN | S48 |
| 3 | ARMAN BIN MOHAMMAD | TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN | S48 |
| 4 | RASIDA BINTI ABU BAKAR | PUSTAKAWAN KANAN | S44 |
| 5 | MAHADIR BIN CHE ALI | PUSTAKAWAN KANAN | S44 |
| 6 | FAUZIAH BINTI HASSAN | PUSTAKAWAN KANAN | S44 |
| 7 | NURUL AKMAR BINTI MEHAT | PUSTAKAWAN KANAN | S44 |
| 8 | MOHD MAWARDI BIN BADRUDDIN | PUSTAKAWAN KANAN | S44 |
| 9 | NORAINI BINTI MOHD NOOR | PUSTAKAWAN KANAN | S44 |
| 10 | HASLIZA BINTI MOHAMED | PUSTAKAWAN KANAN | S44 |
| 11 | HARULRIZAM BIN MOHAMED | PUSTAKAWAN KANAN | S44 |
| 12 | WIZANA BINTI ABDUL JALIL | PUSTAKAWAN KANAN | S44 |
| 13 | ZAIDI BIN SAAD | PUSTAKAWAN KANAN | S44 |
| 14 | MOHD RAZIF BIN DZULKIPLI | PUSTAKAWAN KANAN | S44 |
| 15 | MEZ ZELINA BINTI YUSOF | PUSTAKAWAN KANAN | S44 |
| 16 | NORSHAHILA BINTI CHE DIN | PUSTAKAWAN KANAN | S44 |
| 17 | NOR ILYAH BINTI OTHMAN | PUSTAKAWAN | S41 |
| 18 | NORAZIZAH BINTI MD TAHIR | PUSTAKAWAN | S41 |
| 19 | SUHADAWATI BINTI AHMAD | PENOLONG PENDAFTAR | N41 |

| | | | |
|----|-------------------------------|-----------------------------|-----|
| 20 | MOHD IKBAR BIN ABDUL JABAR | PENOLONG JURUTERA | J29 |
| 21 | EZRA ANISH BINTI MUSTAPA | PENOLONG AKAUNTAN | W29 |
| 22 | MUHAMAD HAFEEZ BIN ZAINUDIN | PENOLONG PUSTAKAWAN | S29 |
| 23 | ZURAIDAH BINTI AMAR | PENOLONG PUSTAKAWAN | S29 |
| 24 | NUR SYAHIDAH BINTI NOR NAZARI | SETIAUSAHA PEJABAT | N29 |
| 25 | NORHAIROL BIN KHALID | KETUA PEM. PUSTAKAWAN (KUP) | S22 |
| 26 | MUHAMMED RASHID BIN MAT DERUS | PEM. PUSTAKAWAN KANAN (KUP) | S22 |
| 27 | AHMAD BIN ABU BAKAR | PEM. PUSTAKAWAN KANAN (KUP) | S22 |
| 28 | NORFAHRIZAN BINTI JUHARI | PEM. PUSTAKAWAN KANAN (KUP) | S22 |
| 29 | NOOR RAHMAN JAMIAH BIN JALIL | PEM. PUSTAKAWAN KANAN (KUP) | S22 |
| 30 | ZULKARNAEN BIN MAHAT | PEM. PUSTAKAWAN KANAN (KUP) | S22 |
| 31 | SABARIAH BINTI ISMAIL | PEM. PUSTAKAWAN KANAN (KUP) | S22 |
| 32 | MI AZIAN BINTI AB. KARIM | PEM. PUSTAKAWAN KANAN (KUP) | S22 |
| 33 | F HASLINDA BINTI HARUN | PEM. PUSTAKAWAN KANAN (KUP) | S22 |
| 34 | NOR AINI BINTI MD JALI | PEM. PUSTAKAWAN KANAN (KUP) | S22 |
| 35 | ROHANA BINTI HASHIM | PEM. PUSTAKAWAN KANAN (KUP) | S22 |
| 36 | NIK SYUKRAN MUIZ BIN RASHID | PEM. PUSTAKAWAN KANAN (KUP) | S22 |
| 37 | NORFAZLIN BINTI TAMBI CHEK | PEM. PUSTAKAWAN KANAN (KUP) | S22 |
| 38 | KAMARIAH BINTI KAMIS | PEM. PUSTAKAWAN KANAN | S22 |
| 39 | NORZIYANA BINTI HANIPAH | PEMBANTU TADBIR KANAN (KUP) | N22 |
| 40 | NOORAIDILLAH BINTI RASDI | PEM. PUSTAKAWAN KANAN | S22 |
| 41 | JUMAKYAH BINTI YACOOB | PEM. PUSTAKAWAN KANAN | S22 |

| | | | |
|----|-------------------------------------|-----------------------------|-----|
| 42 | SUZANA BINTI LAZIM | PEM. PUSTAKAWAN KANAN | S22 |
| 43 | MOHD NAZIR BIN TAIB | PEM. PUSTAKAWAN KANAN (KUP) | S22 |
| 44 | MOHD SYAHRIZAL BIN MOHD RAZALI | PEM. PUSTAKAWAN | S19 |
| 45 | SUHAIZRI BIN KAMARUDDIN | PEM. PUSTAKAWAN | S19 |
| 46 | THAQIF BIN MOHD ISA | PEM. PUSTAKAWAN | S19 |
| 47 | MOHD SIDDIQ AZIZI BIN JAIS | PEM. PUSTAKAWAN | S19 |
| 48 | SITI SYAHIRAH BINTI AB RAHIM | PEM. PUSTAKAWAN | S19 |
| 49 | SHAZLEY BIN SAHIBUDDIN | PEM. PUSTAKAWAN | S19 |
| 50 | YANG SARINAH BINTI MOHD TALIB | PEMBANTU TADBIR | N19 |
| 51 | MOHD ZULFADHLI BIN RAZALY | PEM. PUSTAKAWAN | S19 |
| 52 | AHMAD TARMIZI BIN ABDUL HADI | PEM. PUSTAKAWAN | S19 |
| 53 | HAFIZAH BINTI MOHD TAHER | PEMBANTU AKAUNTAN | W19 |
| 54 | HAFIZAH BINTI MOHAMAD | PEM. PUSTAKAWAN | S19 |
| 55 | MOHD HANNIF BIN JAMALUDIN | PEM. PUSTAKAWAN | S19 |
| 56 | NORFARADILLA IDAYU BINTI AB. GHAFAR | PEM. PUSTAKAWAN | S19 |
| 57 | MOHAMAD TARMIZI BIN OTHMAN | PEM. PUSTAKAWAN | S19 |
| 58 | MOHAMAD AZHARI BIN JOHARI | PEM. PUSTAKAWAN | S19 |
| 59 | NUR AZIRAH BINTI MOHAMAD ARIF | PEM. PUSTAKAWAN | S19 |
| 60 | NURUL ATIKA BINTI HARUDIN | PEM. PUSTAKAWAN | S19 |
| 61 | MUAAT BIN MUJI | PEMBANTU OPERASI | N14 |

PELAKSANAAN AUDIT MS ISO 9001:2015

Bermula tahun 2019, pelaksanaan pengauditan MS ISO 9001:2015 oleh semua pusat tanggungjawab (PTj) di UTeM kecuali Pejabat Pendaftar diletakkan di bawah Pengurusan Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti Dan Risiko, UTeM yang merangkumi 2 skop Sistem Pengurusan Kualiti seperti di bawah;

1. Penyediaan perkhidmatan pendidikan di peringkat prasiswazah & pascasiswazah dan aktiviti pengurusan penyelidikan;
2. Penyediaan perkhidmatan sokongan pendidikan

Perpustakaan Laman Hikmah, Pejabat Bendahari dan Pejabat Pembangunan adalah di bawah skop nombor 2.

KURSUS KESEDARAN MS ISO 9001:2015

Kursus Kesedaran MS ISO 9001:2015 telah diadakan pada 21 Februari 2019 jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang di Dewan Auditorium, Pusat Pengajian Siswazah UTeM anjuran Unit Latihan dan Penjanaan, Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar UTeM. Kursus ini telah disampaikan oleh Puan Mariam bin Mohamed Zin dari MMZ Training & Consultancy. Seramai 32 orang staf Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah menghadiri kursus ini. Selain staf PLH, kursus ini juga dihadiri oleh staf Pejabat Pendaftar.

Tujuan utama kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan penerangan kepada para peserta berkaitan ISO versi terbaru (MS ISO 9001:2015), perubahan dan pindaan Standard ISO 9001:2015 berbanding Standard ISO 9001:2008 juga menerangkan klausula-klausula dalam standard.

AUDIT DALAMAN ISO 9001:2015 PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pada 13 Julai 2019, PLH telah menjalani Audit Dalaman MS ISO 9001: 2015 bermula jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang. Audit pada kali ini telah diketuai oleh Dr. Abdul Karim bin Mohamad dan dibantu oleh Puan Siti Fatimah Zahra binti Hasan.

Secara keseluruhannya, PLH telah berjaya melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang boleh ditambahbaik bagi melancarkan proses kerja di perpustakaan.

Tahniah dan terima kasih kepada semua warga perpustakaan yang telah memberikan komitmen dan kerjasama yang baik sepanjang audit dalam ini berlangsung.

AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001: 2015 OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL

Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS International telah dilaksanakan pada **29 Oktober 2019 hingga 01 November 2019** yang lalu bertempat di Perpustakaan Laman Hikmah. Pasukan audit SIRIM yang diketuai oleh Puan Mariam Mohamed Zin telah mengaudit lima (5) Proses Kerja yang memfokuskan kepada skop Pengurusan Perkhidmatan Perpustakaan Laman Hikmah.

Hasilnya, Perpustakaan Laman Hikmah berjaya memenuhi keperluan standard MS ISO 9001:2015 dengan hanya menerima 1 peluang penambahbaikan (OFI) tanpa laporan ketakakuran (NCR).

Ucapan tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua pegawai dan staf Perpustakaan Laman Hikmah, serta pihak yang berkaitan atas bantuan dan sokongan bagi mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2015 Perpustakaan Laman Hikmah.

PELAJAR PRAKTIKAL

Perpustakaan Laman Hikmah setiap tahun dipilih oleh pelajar daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan pelajar daripada Universiti Selangor (UNISEL) bagi mengikuti program latihan industri. Sepanjang tahun 2019, Perpustakaan Laman Hikmah telah menerima 1 orang pelajar Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau untuk mengikuti latihan industri selama 5 bulan bermula 1 Februari 2019 hingga 30 Jun 2019. Manakala, terdapat seorang lagi pelajar daripada UNISEL yang mengikut latihan industri ini selama 3 bulan bermula 1 April 2019 hingga 12 Julai 2019.



BAHAGIAN PERKHIDMATAN MAKLUMAT SEKSYEN RUJUKAN

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

RINGKASAN EKSEKUTIF

Seksyen Rujukan, Bahagian Perkhidmatan Maklumat diwujudkan sejajar dengan penubuhan Perpustakaan UTeM sejak tahun 2001. Fungsi utama adalah seperti berikut;

UNIT PERKHIDMATAN PELANGGAN

- Pengurusan pameran isu-isu semasa
- Program Pendidikan Pengguna (PPP)
- Perkhidmatan Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)

UNIT PROMOSI

- Pelaksanaan promosi perkhidmatan & kemudahan Perpustakaan
- Pengendalian ‘Ask a Librarian’
- Pengurusan aktiviti lawatan
- Perkhidmatan Turnitin
- Pengurusan media

UNIT BANTUAN PENYELIDIKAN

- Penerbitan bibliometrik UTeM
- Perkhidmatan Temujanji Penyelidikan (*Research Consultation*)
- Perkhidmatan Pempakejan Maklumat
- Pengurusan demo dan latihan pangkalan data



STAF SEKSYEN RUJUKAN

Jadual 1 : Staf Mengikut Jawatan/Gred


| Bil. | Nama Staf | Jawatan/Gred |
|------------------------------------|-----------------------------|---|
| 1. | Azman bin Hj. Ayup | Timbalan Ketua Pustakawan Kanan/Gred S52 |
| 2. | Siti Saluwa binti Jamal | Timbalan Ketua Pustakawan/Gred S48 |
| 3. | Rasida binti Abu Bakar | Pustakawan Kanan/Gred S44 (Ketua Seksyen) |
| Unit Bantuan Penyelidikan | | |
| 4. | Wizana binti Abd. Jalil | Pustakawan Kanan/Gred S44 |
| 5. | Nor Ilyah binti Othman | Pustakawan/Gred S41 |
| 6. | Suzana binti Lazim | Pembantu Pustakawan Kanan/Gred S22 |
| 7. | Mohd Tarmizi bin Othman | Pembantu Pustakawan/Gred S19 |
| Unit Perkhidmatan Pelanggan | | |
| 8. | Noraini binti Mohd Noor | Pustakawan Kanan/Gred S44 |
| 9. | Kamariah binti Kamis | Pembantu Pustakawan Kanan/Gred S22 |
| 10. | Nik Syukran Muiz bin Rashid | Pembantu Pustakawan Kanan/Gred S22 |
| Unit Promosi | | |
| 11. | Norshahila binti Che Din | Pustakawan/Gred S44 |
| 12. | Zulkarnaen bin Mahat | Pembantu Pustakawan Kanan/Gred S22 |

SISTEM PEMBEKALAN PENERBITAN (SPP)


Perkhidmatan ini bertujuan membantu pengguna memperolehi bahan yang tiada di dalam koleksi Perpustakaan Laman Hikmah sama ada di dalam atau di luar negara bagi menyokong aktiviti pembelajaran, penyelidikan dan inovasi. Perkhidmatan ini terbuka kepada pelajar dan staf UTeM.

Jadual 2: Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)

| Kategori | Perkara | 2018 | 2019 | Pencapaian |
|----------|--|---------------------------|------|------------|
| Buku | Permohonan UTeM (Dibekalkan Institusi Luar) | Bilangan Pemohon | 44 | 70 |
| | | Jumlah Permohonan Buku | 44 | 70 |
| | | Pembekalan Buku | 27 | 58 |
| Artikel | Permohonan Institusi Luar (Dibekalkan Perpustakaan Laman Hikmah) | Bilangan Pemohon | 12 | 53 |
| | | Jumlah Permohonan Buku | 12 | 53 |
| | | Pembekalan Buku | 9 | 29 |
| Artikel | Permohonan UTeM (Dibekalkan Institusi Luar) | Bilangan Pemohon | 358 | 277 |
| | | Jumlah Permohonan Artikel | 358 | 277 |
| | | Pembekalan Artikel | 314 | 251 |
| Artikel | Permohonan Institusi Luar (Dibekalkan Perpustakaan Laman Hikmah) | Bilangan Pemohon | 115 | 159 |
| | | Jumlah Permohonan Artikel | 115 | 159 |
| | | Pembekalan Artikel | 66 | 80 |



Rajah 1: Permohonan Buku dan Artikel oleh Perpustakaan Laman Hikmah kepada Institusi Luar



Rajah 2: Permohonan Buku dan Artikel oleh Institusi Luar kepada Perpustakaan Laman Hikmah

PROGRAM PENDIDIKAN PENGGUNA (PPP)

Program Pendidikan Pengguna adalah program bimbingan khusus mengenai penggunaan perkhidmatan dan kemudahan di Perpustakaan Laman Hikmah. Program ini turut memberi panduan dalam aspek pencarian maklumat dengan menggunakan pelbagai sumber rujukan secara optimum di Perpustakaan Laman Hikmah khususnya pangkalan data atas talian. Ia berkonsepkan kelas interaktif kerana pengguna berpeluang mempraktikkan apa yang dipelajari dengan bimbingan Pustakawan di Bilik Pangkalan Data. Program ini terbuka kepada semua pengguna khususnya pelajar dan staf akademik baharu, pelajar tahun akhir dan penyelidik. Program ini mengandungi lima (5) modul iaitu:

- i) Pangkalan Data Atas Talian
- ii) WebOPAC dan Akaun Pengguna
- iii) Turnitin
- iv) Portal Perpustakaan Laman Hikmah, Kemudahan dan Perkhidmatan
- v) Pencarian maklumat untuk Pelajar/Pembantu Penyelidik (GRA/RA/SRA)

Jadual 3: Program Pendidikan Pengguna

| | 2018 | 2019 | Pencapaian |
|---------|------|------|------------|
| | Sesi | 43 | 52 |
| Peserta | 772 | 454 | (318) |

Jadual 4: Program Pendidikan Pengguna Mengikut Kategori


| Tahun | Jumlah Keseluruhan Sesi/Orang | Kategori PPP | | Perincian |
|-------|-------------------------------------|--------------------------|-------------------------|---|
| | | Umum | GRA/SRA/RA | |
| 2019 | 52 kelas/ 454 pelajar | 30 kelas/ 369 pelajar | 22 kelas/ 85 pelajar | <u>Umum</u> : 30 kelas Ijazah (369 pelajar) 1 kelas Diploma (27 pelajar) 13 kelas Ijazah (236 pelajar) 4 kelas Master (5 pelajar) 11 kelas PhD (80 pelajar) 1 kelas Pelajar Pesisir (21 pelajar) |
| 2018 | 43 kelas/ 772 pelajar | 34 kelas/ 761 pelajar | 9 kelas/ 11 pelajar | <u>Umum</u> : 22 kelas Ijazah (588 pelajar) 4 kelas Master (10 pelajar) 1 Kelas PhD (2 pelajar) 3 kelas Pelajar Pesisir (56 pelajar) 4 kelas Keahlian Luar (105 pelajar) |
| | | | | <u>GRA/SRA/RA</u> : 9 kelas (11 pelajar) |

PENJENAMAAN SEMULA PROGRAM PENDIDIKAN PENGGUNA (PPP) KEPADA PROGRAM LITERASI MAKLUMAT (PLM)

Program Pendidikan Pengguna (PPP) telah mula diperkenalkan di perpustakaan pada tahun 2002 yang bermatlamat membantu pelajar membuat pencarian maklumat, bahan rujukan dan sumber maklumat atas talian yang berkesan serta menyokong aktiviti pembelajaran dan penyelidikan mereka. Bagi merekayasa kelestarian perpustakaan dalam menyediakan keperluan sumber maklumat yang berkualiti kepada warga universiti, adalah bersesuaian perkhidmatan Program Pendidikan Pengguna dijenamakan semula dengan nama baharu iaitu Program Literasi Maklumat yang lebih jelas maksudnya dan mudah difahami seiring dengan Rangka Kerja Literasi Maklumat Malaysia. Perkhidmatan Program Literasi Maklumat menonjolkan satu imej baharu yang ditambah baik dan ditambah nilai yang memberi impak yang lebih positif kepada warga universiti terutamanya golongan pelajar bagi membantu mereka di dalam pencarian maklumat, bahan rujukan yang sahih dan sumber maklumat atas talian yang berkesan serta menyokong proses pembelajaran dan penyelidikan. Sebelum ini, Program Pendidikan Pengguna menyediakan empat modul utama namun telah ditambah baik menjadi tujuh modul yang relevan dan berimpak. Selain itu, Program Literasi Maklumat memberikan imej baharu yang tersendiri dan menjadi pemangkin ke arah melahirkan graduan yang cemerlang dan penghasilan penyelidikan yang bertaraf global.

KRONOLOGI PROGRAM LITERASI MAKLUMAT PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

- 2002 : Kelas Kemahiran Maklumat / *Information Skills Class*
- 2011 : Kelas Pendidikan Maklumat / *Information Education Class*
- 2015 : Program Pendidikan Pengguna / *User Education Programme*
- September 2019 : Program Literasi Maklumat / *Information Literacy Programme*



LAWATAN PENANDA ARAS KE PERPUSTAKAAN UNITEN & PERDANA

Program lawatan penanda aras ini disertai oleh staf Seksyen Rujukan, Perpustakaan Laman Hikmah ke Perpustakaan Tenaga Nasional (UNITEN) dan Perpustakaan Yayasan Kepimpinan Perdana (PERDANA) pada 20 Februari 2019. Lawatan ini juga merupakan salah satu mekanisme untuk mengukur pencapaian dan perkongsian amalan terbaik yang dilaksanakan oleh agensi lain bagi memantapkan perkhidmatan Perpustakaan yang cemerlang dan lebih keternampakan. Penyertaan staf dalam lawatan ini diharapkan dapat meningkatkan kompetensi staf dengan pengayaan ilmu baharu yang relevan dengan Perpustakaan UTeM sebagai hub rujukan dan kecemerlangan ilmu.

Objektif utama lawatan adalah untuk meninjau dan berkongsi pengalaman daripada perpustakaan lain dari aspek perkhidmatan pelanggan, rujukan, media, promosi dan penyelidikan. Selain berkongsi idea dan kepakaran dengan menggabung jalin kejayaan perpustakaan lain, lawatan ini diharapkan dapat menambah pengalaman dan mengeratkan silaturahim antara Perpustakaan.

Lanjutan daripada lawatan tersebut, beberapa cadangan penambahbaikan dikenalpasti dapat diaplakasikan oleh Perpustakaan Laman Hikmah seperti berikut :

- i. Penggunaan *signage* yang lebih besar dan mudah dilihat pengguna.
- ii. Penyediaan ruang/bilik khas bagi tujuan rujukan koleksi bahan rujukan seperti Tesis dan Projek Sarjana Muda.
- iii. Menaiktaraf perabot yang lebih mesra pengguna sesuai dengan Gen-Y.
- iv. Rak simpanan media yang lebih kondusif seperti yang digunakan di Perpustakaan UNITEN dan PERDANA.
- v. Memaparkan gambar pemenang di Perpustakaan (contoh: Pertandingan *Read@Uni : Snap and Win Contest*)
- vi. Pelaksanaan “*No dustbin*” di dalam dan luar bangunan Perpustakaan.
- vii. Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) bagi memantau dan meningkatkan tahap keselamatan pelanggan serta bangunan Perpustakaan.

Secara keseluruhan, lawatan penanda aras ini mencapai objektif kepada staf kerana didekah dengan perkhidmatan dan kemudahan yang baharu dan berbeza dengan PLH bagi meningkatkan kualiti dan visibiliti PLH di peringkat nasional dan global.



Lawatan Penanda Aras ke Perpustakaan UNITEN



Lawatan Penanda Aras ke Perpustakaan PERDANA


PROGRAM PERKONGSIAN MAKLUMAT

Perpustakaan Laman Hikmah komited menjalin hubungan kerjasama yang baik dengan agensi kerajaan di sekitar Melaka dengan pengisian program ceramah kesedaran dan perkongsian maklumat perkhidmatan agensi kerajaan kepada warga Universiti dan komuniti.

Jadual 5: Senarai Program *Talkshow@Library*

| Program | Agensi | Tarikh | Peserta |
|--|--|-----------------|---|
| <i>Talkshow@Library: Mesej Dari Penjara Peluang Ke-2</i> | Jabatan Penjara Malaysia | 03 April 2019 | 185 orang peserta daripada staf, pelajar UTeM, staf PERPUSTAM, guru dan pelajar Kolej Yayasan Saad (KYS). |
| <i>Talkshow@Library: Program Bicara Buku Mazhab Bisnes Jepun</i> | Katana Circle Malaysia | 16 Oktober 2019 | 68 orang peserta daripada staf, pelajar UTeM dan orang luar UTeM. |
| <i>Talkshow@Library: Bicara Dari Bilik Mayat</i> | Jabatan Perubatan Forensik Hospital Melaka | 23 Oktober 2019 | 143 orang peserta daripada staf dan pelajar UTeM, guru dan pelajar Kolej Yayasan Saad (KYS). |

TALKSHOW@LIBRARY: MESEJ DARI PENJARA PELUANG KE-2



Talkshow yang bertajuk *Mesej dari Penjara: Peluang ke-2* diadakan bersempena dengan program *Reference Open House (ROH)*. *Talkshow* kali ini menampilkan kelainan dengan pendedahan eksklusif perkongsian pengalaman daripada pegawai Jabatan Penjara Malaysia. Turut dipaparkan kisah benar daripada seorang bekas banduan yang telah dibebaskan.

Program bermula dengan slot perkongsian pengalaman daripada Ketua Inspektor Penjara Mohamad Azan bin Mat Suhat daripada Pejabat Pengarah Penjara Negeri Melaka. Peserta diberikan kesedaran tentang bentuk-bentuk hukuman yang akan dijalani oleh seseorang banduan apabila dijatuhi hukuman oleh pihak mahkamah. Peserta juga ditayangkan dengan video pendek sesi hukuman sebatan rotan bagi tujuan kesedaran. Selain itu, diselitkan juga slot perkongsian pengalaman daripada bekas banduan iaitu Encik Muhamad Khairul bin Ariyanto yang berusia 20 tahun telah menjalani dan menerima hukuman penjara atas kesalahan dadah dan juga pecah rumah.

TALKSHOW@LIBRARY: MAZHAB BISNES JEPUN



Program ini disampaikan oleh Dato Hj. Zulkifli Abdul Malek yang merupakan penerima Darjah *Order of the Rising Sun* daripada Maharaja Jepun. Beliau mengulas buku yang dihasilkan sendiri yang berjudul "27 Tertib Mazhab Bisnes Jepun" kepada peserta yang hadir. Buku tersebut menjurus kepada mempelajari cara komuniti Jepun membina bisnes yang mementingkan budaya "Kaizen" atau penambahbaikan yang berlaku di semua bahagian dalam syarikat dan individu berlaku setiap hari.

TALKSHOW@LIBRARY: BICARA DARI BILIK MAYAT



Pakar Perubatan Forensik, Hospital Melaka iaitu Dr Haryanti Sara Azmeen Mohd Razali telah berkongsi maklumat dan pengalaman beliau semasa menguruskan jenazah, bedah siasat, pengurusan mayat dan mendedahkan realiti sebenar di sebalik pekerjaan dalam bidang ini.

PAMERAN

Unit Perkhidmatan Pelanggan bertanggungjawab mengadakan pameran bagi tujuan memberi kesedaran maklumat semasa dan mempromosikan perkhidmatan serta kemudahan Perpustakaan kepada warga UTeM. Enam agensi yang terlibat untuk berkongsi maklumat serta pendedahan kepada warga universiti pada tahun 2019 iaitu Jabatan Penjara Malaysia, Pusat Zakat Melaka, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Mary Kay, Katana Circle Malaysia dan Jabatan Perubatan Forensik Hospital Melaka.

Jadual 5: Pameran Perpustakaan Laman Hikmah Mengikut Kategori

| Kategori Pameran | Tahun | | Pencapaian |
|---|-----------|------------|------------|
| | 2018 | 2019 | |
| Pameran@PLH | | | |
| Pameran Informatif @ Navigator | 20 | 20 | 20 |
| Pameran Fizikal | 17 | 31 | 14 |
| Pameran Agensi Luar | 6 | 6 | 6 |
| Pameran Atas Talian | 19 | 35 | 16 |
| Pameran @ Papan Kenyataan | 14 | 18 | 4 |
| Lain-lain pameran | - | 3 | 3 |
| Jumlah | 76 | 113 | |
| Pameran@Luar PLH | | | |
| Pameran/Roadshow@Fakulti/Program Universiti | 2 | 1 | (1) |
| Pameran Luar Perpustakaan Laman Hikmah (Komuniti) | 1 | - | (1) |
| Jumlah | 3 | 1 | (2) |
| Jumlah Keseluruhan | 79 | 114 | 35 |

اوینیورسیتی یونیکنیکل ملیسیا ملاک



1 Mac 2019

Pameran Read@UNI



28 Ogos 2019


Pameran Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih



12-13 November 2019

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pameran PLH Sempena Mesyuarat Ketua Pegawai Maklumat Universiti Awam



18 November 2019

Pameran "Anti Stress: Say No To Stress"

PEMBUDAYAAN ILMU: AKTIVITI READ@UNI

Program Read@Uni merupakan program di bawah Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia bertujuan menghidupkan kembali Kempen Membaca Kebangsaan bermula tahun 2018 sehingga tahun 2020 bagi mewujudkan negara membaca pada tahun 2030 melalui perpustakaan di semua institusi pendidikan tinggi awam dan swasta bermula pada 1 Oktober 2018. Objektif pengajian program ini adalah untuk mempergiat aktiviti galakan membaca di kalangan mahasiswa, pensyarah dan warga institusi. Slogan “With Knowledge We Lead” diyakini akan dapat menyemarakkan lagi pembacaan dalam kalangan kumpulan sasaran. Justeru itu, Seksyen Rujukan turut menyokong dan terlibat untuk melaksanakan aktiviti yang berkaitan.

SEMBANG BUKU BERSAMA KHAIRUL ABDULLAH: MENTALITI MASIH JAMBAN



Program “Sembang Buku Bersama Khairul Abdullah: Mentaliti Masih Jamban” diadakan pada 26 September 2019 (Khamis) jam 11.00-12.30 tengahari di Ruang Santai, Perpustakaan Laman Hikmah. Encik Zaidi Saad selaku moderator telah berjaya menarik perhatian peserta dengan menunjukkan sekeping gambar tandas tahun 1980-an semasa pembuka tirai program.

“Kenapa masyarakat di dunia sebelah sana lebih baik daripada kita? Kenapa nilai-nilai yang dituntut oleh agama dipraktikkan oleh mereka dan bukannya kita?”

Penulis mencoretkan di dalam buku laku keras yang berjudul “Mentaliti Masih Jamban” telah membuka minda dan sindiran sinis kepada peserta. Buku beliau berjudul Mentaliti Masih Jamban mendapat sambutan dan laku keras di kedai buku seperti MPH, Popular dan Kinokuniya. Program ini mendapat sambutan

yang baik daripada 56 orang peserta yang merangkumi 50 orang staf, 2 orang pelajar UTeM, 2 orang staf PERPUSTAM dan 2 orang individu daripada luar UTeM. Antara objektif utama penganjuran program ini adalah untuk mendedahkan warga Universiti dengan pengalaman, pandangan dan sindiran sosial penulis terhadap mentaliti dan budaya rakyat Malaysia dalam kegiatan harian. Selain itu, program ini berhasrat untuk melahirkan belia, komuniti dan masyarakat Malaysia yang mempunyai minda pertama dengan mengamalkan nilai-nilai murni serta meningkatkan budaya membaca di kalangan warga UTeM khasnya dan masyarakat setempat umumnya.

Penulis yang sering dijemput membicarakan buku Mentaliti Masih Jamban di agensi dan universiti tidak serik untuk berkongsi pengalaman untuk melihat perubahan akan berlaku suatu hari nanti. Penulis telah berkongsi kisah benar dan pengalaman bekerja dengan peserta program dengan menceritakan perbandingan sikap dan mentaliti masyarakat Malaysia dengan masyarakat di Jerman. Penulis juga turut berkongsi tentang pengembalaan beliau di beberapa negara seperti Jepun. Beliau turut memberi tips, motivasi dan berkongsi pandangan di dalam mengubah mentaliti rakyat Malaysia.

Antara aktiviti lain yang menyokong kepada program Read@UNI adalah seperti kuiz online, Snap & Win Instagram Contest dan Reference Open House (ROH) yang terbuka kepada warga Universiti untuk sertai.

Emerald Online Quiz

Our quiz covers 10 easy questions, and the answers can be found by searching emeraldisight.com

How to join:

- Click on the online quiz link - emeraldgroupublishing.com/promo/quiz/utem.htm
- Search emeraldisight.com to find all the answers
- Answer all 10 questions correctly and submit your entry
- All participants with correct answers will be entered into a lucky draw for 1st, 2nd, 3rd prizes and consolation prizes
- The lucky winners will be notified via email or mobile number
- Quiz open to UTeM students and staff
- T&C's apply

Competition duration - 1 April 2019 to 17 May 2019

PRIZES:

- 1st PRIZE: Transcend DrivePro 200 Car Video Recorder
- 2nd PRIZE: WD My Passport External Drive 1TB
- 3rd PRIZE: Mi Power Bank 10,000mAH
- PRIZE X2: Mi Bluetooth Speaker

For more information, please contact Nuraini Mohd Noor nuraini_hm_noor@utem.edu.my

TAHANIAH!

PEMENANG UTeM EMERALD ONLINE QUIZ

| Posisi | Nama Pemenang | Nombor Telefon |
|----------|--|----------------|
| PERTAMA | Nursyahirah Shamshulakmar FTKEE (071610579) | |
| KEDUA | Ts. Arwan Adz FTKMP (02247) | |
| KETIGA | Azril Ikhwan Mohd FTKMP (02363) | |
| SAGUHATI | Ts. Muhamad Falhan Bahari FTKEE (02422) | |
| SAGUHATI | Profesor Madya Ts. Dr. Zuraida Abal Abas FTMK (00989) | |

PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH



Pemenang Kuiz Online Emerald Siri 1 Menerima Hadiah



Pemenang Kuiz Online Siri 2 Menerima Hadiah Daripada Naib Canselor UTeM

Mahasiswa Menyertai Aktiviti Sempena Reference Open House (ROH)

DEMONSTRASI DAN LATIHAN PANGKALAN DATA

Unit Perkhidmatan Pelanggan mensasarkan sepuluh (10) pangkalan data untuk dilaksanakan demonstrasi dan latihan bagi tahun 2019. Bilangan kehadiran peserta sepanjang tahun 2019 adalah sebanyak **156 peserta** berbanding tahun 2018 (129 peserta). Secara keseluruhan, peningkatan peserta sebanyak 21% (27 peserta) pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya.

Jadual 6: Demonstrasi dan Latihan Pangkalan Data

| | 2018 | 2019 | Pencapaian |
|---------------------|------|------|------------|
| Peserta | 129 | 156 | 27 |
| Sesi | 5 | 5 | |
| Bil. Pangkalan data | 5 | 10 | 5 |

Jadual 7: Senarai Demonstrasi dan Latihan Pangkalan Data

| BIL. | TARIKH | AKTIVITI |
|------|------------|---|
| 1) | 12/02/2019 | Turnitin Training |
| 2) | 19/03/2019 | Science Direct & Scopus Training |
| 3) | 10/04/2019 | ACM Digital Library, ASME Digital Collection, Access Engineering & Proquest ebook Central (ebrary) Training |
| 4) | 29/05/2019 | Emerald Training |
| 5) | 20/06/2019 | Knovel & Serial Solution Summon Training |



12 Februari 2019

Latihan Pangkalan Data Turnitin



29 Mei 2019

Latihan Pangkalan Data Emerald

LAWATAN AKADEMIK KE PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

Perpustakaan Laman Hikmah menerima lawatan daripada **26 buah agensi** termasuk sekolah rendah dan menengah, kolej dan universiti awam/swasta dari dalam dan luar negara dengan jumlah **767 orang pelawat** berbanding 512 orang pelawat pada tahun 2018, iaitu meningkat sebanyak 254 orang pelawat.

Jadual 6: Lawatan

| Jumlah | 2018 | 2019 | Pencapaian |
|---------|--------|------|------------|
| | Agensi | 17 | 26 |
| Pelawat | 513 | 767 | 254 |

Jadual 7: Lawatan IPT/Sekolah/Institusi Dalam & Luar Negara

| Bil. | Tarikh | Organisasi/ Agensi/ Institusi | Kategori | Pelajar | Staf Pengiring | Jumlah |
|------|------------|--|--------------|---------|----------------|--------|
| 1 | 24/01/2019 | Kolej Vokasional Datuk Seri Abu Zahar Isnin | Umum | 36 | 2 | 38 |
| 2 | 01/02/2019 | Universiti Perguruan Sultan Idris | Penanda Aras | - | 28 | 28 |
| 3 | 26/02/2019 | Agensi Pelancongan Melaka | Umum | - | 20 | 20 |
| 4 | 15/03/2019 | Mahasiswa UMT | Umum | 22 | 3 | 25 |
| 5 | 20/03/2019 | SMK Tawau | Umum | 7 | 12 | 19 |
| 6 | 28/03/2019 | Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu, Melaka | Penanda Aras | - | 13 | 13 |
| 7 | 17/04/2019 | Delagasi ICOLIS-Filipina | Penanda Aras | - | 3 | 3 |
| 8 | 18/04/2019 | SMK Dato Abd Rahman Andak, | Umum | 75 | 5 | 80 |
| 9 | 22/04/2019 | Universitat 'Aisyiyah Yogyakarta | Umum | 16 | - | 16 |
| 10 | 26/04/2019 | Universiti Sains Malaysia | Umum | 35 | - | 35 |
| 11 | 02/05/2019 | SMK Seri Bemban | Umum | 40 | - | 40 |
| 12 | 02/05/2019 | Pelajar MTUN | Umum | 22 | - | 22 |
| 13 | 13/06/2019 | SMK Banang Jaya | Umum | 36 | 4 | 40 |
| 14 | 25/06/2019 | Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Masjid Tanah | Penanda Aras | - | 4 | 4 |
| 15 | 15/07/2019 | Lawatan Delegasi Indonesia | Umum | - | 6 | 6 |
| 16 | 29/07/2019 | SMK Bahau | Umum | 40 | 4 | 44 |
| 17 | 29/07/2019 | China (Buddies UTeM) | Umum | 40 | - | 40 |
| 18 | 19/08/2019 | Edu Pelancongan & Tourism | Umum | - | 15 | 15 |
| 19 | 23/08/2019 | SMK Sultan Ahmad Shah Cameron Highland | Umum | 40 | 4 | 44 |
| 20 | 18/09/2019 | Kolej Vokasional Datuk Seri Mohd Zin, Alor Gajah | Umum | 9 | 2 | 11 |
| 21 | 20/09/2019 | Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim, UPNM | Umum | 28 | 5 | 33 |
| 22 | 27/09/2019 | SK Permas Jaya | Umum | 25 | 15 | 40 |
| 23 | 31/10/2019 | Perpustakaan UiTM Seri Iskandar | Penanda Aras | - | 24 | 24 |
| 24 | 14/11/2019 | Kolej Vokasional Perdagangan JB | Umum | 105 | 12 | 117 |
| 25 | 15/11/2019 | Pelajar UiTM | Umum | 4 | - | 4 |
| 26 | 26/11/2019 | Pelajar UiTM | Umum | 6 | - | 6 |

JUMLAH KESELURUHAN

767



15 Mac 2019

Lawatan Mahasiswa Universiti Malaysia
Terengganu



17 April 2019

Lawatan 3 orang delegasi ICOLIS (Filipina)



18 April 2019

Lawatan Pelajar SMK Dato Abd Rahman Andak,
Simpang Renggam Johor Bahru



23 Ogos 2019

Lawatan Pelajar SMK Sultan Ahmad Shah, Cameron
Highlands, Pahang



31 Oktober 2019

Lawatan Staf Perpustakaan UiTM Seri Iskandar,
Perak



14 November 2019

Lawatan Pelajar Kolej Vokasional Perdagangan Johor
Bahru

PROMOSI

Pelbagai promosi dilaksanakan oleh Unit Promosi melalui emel Info Perpustakaan Laman Hikmah dan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *Youtube* dan *Blog* bagi hebahan aktiviti, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Perpustakaan Laman Hikmah kepada semua pengguna dari semasa ke semasa. Sebanyak **162 makluman** telah dihebahkan pada tahun 2019 berbanding 156 makluman pada tahun 2018 iaitu meningkat sebanyak 6 hebahan makluman. Makluman yang dikeluarkan bagi tujuan promosi ini adalah mengikut kesesuaian dan aktiviti semasa yang berlangsung. Bagi promosi melalui media sosial pula, sebanyak **1,341 status** atau *post* telah dimuatnaik pada tahun 2019 berbanding 1,301 status dimuatnaik pada tahun 2018, iaitu meningkat sebanyak 40 status/*post*.

Jadual 8: Promosi Melalui Emel & Media Sosial

| Tahun | Status/ <i>Post</i> | Pencapaian |
|-------|---------------------|------------|
| 2019 | 1,341 | |
| 2018 | 1,301 | 40 |

Jadual 9: Kategori & Pengikut Media Sosial

| Bil. | Kategori | Jumlah Pengikut 2018 | Jumlah Pengikut 2019 | Pencapaian |
|------|-----------|----------------------|----------------------|------------|
| 1) | Facebook | 2,971 | 3,139 | 168 |
| 2) | Twitter | 719 | 762 | 43 |
| 3) | Instagram | 476 | 600 | 124 |

PAMERAN BAHAN MEDIA

Bagi menggalakkan peminjaman bahan media di kalangan pengguna, Unit Promosi telah mengadakan pameran bahan media mengikut fakulti. Bagi tahun 2019, antara fakulti yang terlibat adalah FTMK dan FKP. Tempoh pameran di jalankan adalah selama tiga bulan bagi setiap fakulti. Walau bagaimanapun, pinjaman koleksi media ini kurang mendapat sambutan di mana hanya 32 pinjaman sahaja direkodkan bagi tahun 2019 berbanding 279 pinjaman bagi tahun 2018 iaitu menurun sebanyak 247 pinjaman.

Jadual 10: Pinjaman Koleksi Media

| Tahun | Pertanyaan | Pencapaian |
|-------|------------|------------|
| 2019 | 32 | |
| 2018 | 279 | (247) |

Jadual 11: Kategori & Jumlah Pinjaman Koleksi Media Tahun 2019

| Bil. | Kategori Bahan Media | Jumlah Bahan (Judul) | Jumlah Bahan (Pameran) (Judul) | Jumlah Pinjaman (Judul) |
|---------------|----------------------|----------------------|--------------------------------|-------------------------|
| 1. | CDR | 10,293 | 35 | 25 |
| 2. | DVD | 951 | 35 | 7 |
| Jumlah | | | | 32 |



Pameran Media Mengikut Fakulti dan Bidang Perkara

PENYELENGGARAAN BAHAN DAN ALATAN MEDIA

Perpustakaan Laman Hikmah juga berperanan menyokong proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan warga universiti. Sehubungan itu, Unit Promosi bertanggungjawab untuk memastikan kemudahan peralatan media yang disediakan seperti LCD Projektor dan PA Sistem perpustakaan berada dalam keadaan baik. Bagi tahun 2019, sebanyak 7 unit LCD berada dalam keadaan baik dan telah diselenggara oleh pihak pembekal manakala satu (1) buah projektor mengalami kerosakan.

Jadual 12: Senarai lokasi LCD Projektor

| Senarai Bilik | LCD Projektor |
|----------------------|---------------|
| Ruang Tayang | 1 |
| Bilik Pangkalan Data | 1 |
| <i>Smart Room</i> | 1 |
| Bilik Tayangan | 1 |
| Bilik Perbincangan 1 | 1 |
| Bilik Perbincangan 3 | 1 |
| Bilik Seminar 1 | 1 |
| Bilik Seminar 2 | 1 |
| Jumlah | 8 |

EMEL RASMI PERPUSTAKAAN

Unit Promosi turut bertanggungjawab menguruskan maklum balas pertanyaan daripada pengguna melalui emel rasmi Perpustakaan iaitu lamanhikmah@utem.edu.my yang merangkumi pelbagai soalan berkaitan pencarian maklumat, akaun pengguna, WebOPAC, kertas peperiksaan, pangkalan data, *ez-proxy*, Turnitin, perkhidmatan dan lain-lain. Bagi tahun 2019, sebanyak **310 pertanyaan** telah direkodkan berbanding 142 pertanyaan pada tahun 2018, iaitu meningkat sebanyak 168 pertanyaan.

Jadual 13: Pertanyaan Melalui Emel Rasmi

| Tahun | Pertanyaan | Pencapaian |
|-------|------------|------------|
| 2019 | *84 | |
| 2018 | 80 | 4 |

*Nota: Jumlah ini tidak termasuk 226 pertanyaan/semakan Turnitin

Jadual 14: Jenis Pertanyaan Pengguna

| Jenis Pertanyaan | Jumlah |
|-------------------------------------|------------|
| Kertas Peperiksaan | 6 |
| User Account | 5 |
| Pangkalan Data | 1 |
| Pencarian Buku/Maklumat | 19 |
| Ez-Proxy | 26 |
| Turnitin | 226 |
| Kemudahan/Perkhidmatan Perpustakaan | 17 |
| Lain-lain | 10 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 310 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PERKHIDMATAN “ASK A LIBRARIAN”

Unit Promosi turut berperanan menguruskan pertanyaan pengguna melalui Perkhidmatan *Ask A Librarian* iaitu satu medium komunikasi maya antara pengguna perpustakaan dan Pustakawan melalui kaedah *chatting*. Sebanyak **469 pertanyaan** direkodkan pada tahun 2019 berbanding 16 pertanyaan pada tahun 2018 iaitu meningkat sebanyak 97% daripada pertanyaan tahun sebelumnya.

Jadual 15: Pertanyaan Pengguna

| Tahun | Pertanyaan | Pencapaian |
|-------|------------|------------|
| 2019 | 469 | |
| 2018 | 16 | 97% |

Jadual 16: Pertanyaan Ask A Librarian Mengikut Kategori

| Bil. | Kategori Pertanyaan | Jumlah |
|---------------------------|--|------------|
| 1) | Kertas Peperiksaan | 53 |
| 2) | Pencarian Buku/Maklumat/Pangkalan Data | 112 |
| 3) | Kemudahan/Perkhidmatan Perpustakaan | 152 |
| 4) | Turnitin | 52 |
| 5) | Lain-lain | 100 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 469 |



LAPORAN PENERBITAN JURNAL UTEM

Perpustakaan Laman Hikmah telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan maklumat penerbitan staf UTeM di Scopus dan Web of Science (WoS). Jumlah bilangan penerbitan jurnal berindeks bagi tahun 2019 adalah sebanyak **754 judul** berbanding dengan 901 judul bagi tahun 2018, iaitu penurunan sebanyak 147 judul (16%).

Jadual 17: Penerbitan Jurnal Staf UTeM di Web of Science dan SCOPUS

| | 2018 | 2019 | Pencapaian |
|----------------|------------|------------|--------------|
| Web of Science | 223 | 286 | 63 |
| SCOPUS | 678 | 468 | (210) |
| JUMLAH | 901 | 754 | (147) |

PERKHIDMATAN TEMUJANJI PENYELIDIKAN (RESEARCH CONSULTATION)

Aktiviti utama Unit Bantuan Penyelidikan adalah memberi perkhidmatan temujanji penyelidikan yang lebih berfokus iaitu pertemuan antara pustakawan dengan penyelidik dalam membantu secara bersemuka berkaitan penyelidikan. Sepanjang tahun 2019, Unit Bantuan Penyelidikan telah menerima sebanyak **11 permohonan** temujanji penyelidikan seperti *Higher learning, Disaster*

Preparedness dan sebagainya. Walaubagaimanapun, bilangan ini menunjukkan penurunan sebanyak 62% berbanding tahun 2018. Selain dari temujanji penyelidikan, Unit Bantuan Penyelidikan juga menerima pertanyaan penyelidikan melalui email dan telefon daripada penyelidik seperti pertanyaan berkaitan pengesahan status jurnal, pengiraan h-indeks serta kemaskini profil Scopus dan Google Scholar. Sebanyak **72 pertanyaan** telah diterima bagi tahun 2019.

Jadual 18: Permohonan Perkhidmatan Temujanji Penyelidikan

| | Permohonan | Pencapaian |
|------|------------|------------|
| 2019 | 11 | |
| 2018 | 29 | (18) |

PAKEJ MAKLUMAT (INFORMATION PACKAGE)

Perpustakaan Laman Hikmah menyediakan perkhidmatan Pakej Maklumat (*Information Package*) kepada staf akademik, penyelidik serta pelajar pasca dan pra siswazah. Sepanjang tahun 2019, sebanyak **40 permohonan** telah diterima dan permohonan tertinggi adalah dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan Fakulti Kejuruteraan elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) iaitu memohon sebanyak 9 permohonan.

Jadual 19: Permohonan Pakej Maklumat

| | Permohonan | Pencapaian |
|------|------------|------------|
| 2019 | 40 | |
| 2018 | 41 | (1) |

Jadual 20: Permohonan Pakej Maklumat Mengikut Fakulti

| BIL | PTJ | AKADEMIK/ PENYELIDIK | | PASCA SISWAZAH | | PRA SISWAZAH | | JUMLAH | |
|---------------|-------|-------------------------|----------|-------------------|-----------|-----------------|-----------|-----------|-----------|
| | | 2018 | 2019 | 2018 | 2019 | 2018 | 2019 | 2018 | 2019 |
| 1 | FKP | 2 | 2 | 1 | 3 | 21 | 4 | 24 | 9 |
| 2 | FTKEE | 4 | 2 | 0 | 0 | 2 | 0 | 6 | 2 |
| 3 | FKM | 0 | 1 | 3 | 0 | 0 | 1 | 3 | 2 |
| 4 | FPTT | 0 | 1 | 2 | 3 | 1 | 0 | 3 | 4 |
| 5 | FKE | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 1 | 2 | 1 |
| 6 | IPTK | 0 | 1 | 2 | 5 | 0 | 0 | 2 | 6 |
| 7 | FKEKK | 0 | 1 | 1 | 3 | 0 | 5 | 1 | 9 |
| 8 | FTKMP | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| 9 | FTMK | 0 | 0 | 0 | 6 | 0 | 0 | 0 | 6 |
| Jumlah | | 6 | 9 | 11 | 20 | 24 | 11 | 41 | 40 |

Daripada jadual yang dipaparkan, mendapati pelajar pasca siswazah Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) merupakan pemohon yang paling kerap memohon perkhidmatan ini bagi tahun 2019. Ini menunjukkan warga FTMK mula sedar akan kewujudan perkhidmatan ini di kalangan pelajar pasca siswazah. Manakala jumlah keseluruhan mengikut kategori, menunjukkan pelajar pasca siswazah adalah pengguna yang paling kerap membuat permohonan iaitu sebanyak 20 permohonan dengan peningkatan sebanyak 81% berbanding tahun 2019.

AKTIVITI PERKONGSIAN DAN PENYEBARAN MAKLUMAT PENYELIDIKAN

Pada tahun 2019, aktiviti Unit Bantuan Penyelidikan hanya melibatkan aktiviti perkongsian dan penyebaran maklumat berkaitan penyelidikan seperti bengkel penulisan jurnal dan kursus kesedaran. Unit Bantuan Penyelidikan menumpukan kepada aktiviti berimpak tinggi kepada warga UTeM. Manakala, demo dan latihan pangkalan data adalah di bawah tanggungjawab Unit Perkhidmatan Pelanggan, Kelancaran perjalanan aktiviti ini mendapat kerjasama daripada pihak pembekal dan pentadbiran UTeM (Pusat Tanggungjawab dan Fakulti) dalam usaha menjalin hubungan kerjasama. Sebanyak **9 aktiviti** telah dilaksana dengan jumlah keseluruhan kehadiran peserta adalah seramai **174 orang** yang terdiri daripada Staf UTeM (akademik dan bukan akademik), penyelidik, pelajar UTeM (Pasca Siswazah, Pra Siswazah, Diploma) dan peserta luar.


Jadual 21: Aktiviti Unit Bantuan Penyelidikan

| Bil. | Tarikh | Masa | Aktiviti | Peserta | Tempat |
|-------------------------|--------------|-----------------|--|------------|--------------------------------------|
| 1 | 13/2/2019 | 10:00-11.30 pg | Short Session with Emerald new Business Manager | 5 | Smart Room, PLH |
| 2 | 23/5/2019 | 9.3-10.40 pg | Research Session: How To Improve Your Research Visibility? | 27 | Bilik Pangkalan Data, PLH |
| 3 | 14/8/2019 | 10.00-12.00 tgh | Library Outreach 1.0 | 16 | Makmal CLEAR, FPTT, Kampus Teknologi |
| 4 | 12/9/2019 | 9.30-10.30 pg | Sesi Kemaskini Research Output@URIS | 16 | Bilik Mesyuarat FKE |
| 5 | 18/9/2019 | 10.30-12.30 tgh | Library Outreach 2.0 | 10 | Bilik Pangkalan Data, PLH |
| 6 | 2- 3/10/2019 | 8.30-5.00 ptg | Step by step guide to writing research paper | 37 | Bilik Pangkalan Data, PLH |
| 7 | 9/10/2019 | 2.30-4.30 ptg | Library Outreach 3.0 | 4 | Bilik Pangkalan Data, PLH |
| 8 | 14/11/2019 | 10.00-12.00 tgh | Publishing Talk: How to Publish | 50 | Bilik Tayangan, PLH |
| 9 | 18/12/2019 | 4.00-5.00 ptg | CoSSID Research Sharing Knowledge: Bengkel Mudah Kemaksini Data Penerbitan Scopus melalui URIS | 9 | Bilik Mesyuarat 1, FKP |
| JUMLAH KEHADIRAN | | | | 174 | |



23 Mei 2019

Research Session: How To Improve Your Research Visibility?



2-3 Oktober 2019

Step by Step Guide to Writing Research Paper



14 November 2019

Publishing Talk: How to Publish?

PENGESAHAN PENERBITAN DI UTEM RESEARCH INFORMATION SYSTEM (URIS)

Unit Bantuan Penyelidikan dipertanggungjawabkan untuk membuat pengesahan bagi sub modul penerbitan di dalam sistem URIS. Ianya melibatkan modul jurnal, kertas persidangan, buku dan bab dalam buku serta lain-lain penerbitan. Jumlah data penerbitan yang telah di sahkan pada tahun 2019 adalah sebanyak **525 penerbitan** yang merangkumi Jurnal dan prosiding. Untuk tahun 2019, penerbitan di dalam URIS telah digunakan bagi penilaian Insentif Penerbitan Jurnal 2019 dan Permohonan Anugerah Akademik Universiti Tahun 2019.

LIBRARY OUTREACH

Bagi tahun 2019, Unit Bantuan Penyelidikan telah melaksanakan **tiga (3) sesi Library Outreach** bagi memenuhi KPI seksyen. Program tahunan ini merupakan salah satu inisiatif PLH menyebarkan maklumat perkhidmatan penyelidikan kepada warga UTeM terutamanya kepada penyelidik, staf akademik dan pelajar pasca siswazah. Objektif sesi ini dilaksanakan adalah bagi memberi kesedaran dan pendedahan maklumat terkini seperti pelaksanaan *Sistem URIS Module Research Output*.

Jadual 22: Senarai *Library Outreach*

| | Tarikh | CoE/Fakulti |
|----------------------|----------|-------------|
| Library Outreach 1.0 | 18/08/19 | FPTT |
| Library Outreach 2.0 | 12/09/19 | CeRIA |
| Library Outreach 3.0 | 9/10/19 | PBPI |

Berikut adalah perkongsian ilmu pengetahuan yang disampaikan pada sesi berkenaan:

- 1) Maklumat perkhidmatan penyelidikan yang disediakan oleh PLH kepada warga UTeM
- 2) Jurnal terindeks dalam Scopus dan WoS
- 3) Jurnal tidak terindeks dalam Scopus dan WoS
- 4) Turnitin Plagiarism software
- 5) Demonstrasri Sistem URIS (pelaksanaan format .csv dalam penerbitan)



Peserta *Library Outreach* di Fakulti dan CoE

BAHAGIAN PERKHIDMATAN MAKLUMAT SEKSYEN SIRKULASI



اوینیفرسیتی تیکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENGENALAN

Seksyen Sirkulasi adalah terletak di bawah Bahagian Perkhidmatan Maklumat (BPM) yang terajui oleh Puan Siti Saluwa Binti Jamal, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan (S48) selaku Ketua Bahagian (KBPM) yang berperanan merancang pembangunan dan perkhidmatan perpustakaan. KBPM turut dibantu oleh dua (2) orang Pustakawan Kanan (S44) dan seorang Penolong Pustakawan (S29) bagi mengurus dan memantau pengoperasian di kedua-dua perpustakaan cawangan.

Seksyen Sirkulasi adalah platform utama dalam menyediakan dan menyampaikan maklumat dan perkhidmatan kepada pengguna. Keutamaan bahagian ini adalah Kaunter Sirkulasi yang melibatkan pelbagai transaksi utama iaitu peminjaman, pemulangan, tempahan, pembaharuan pinjaman, bayaran denda dan sebagainya. Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk menguruskan koleksi perpustakaan dari segi susunan di rak dan pengendalian bahan.

FUNGSI UTAMA

- I. Pengendalian perkhidmatan kaunter dalam proses peminjaman bahan, pemulangan bahan, pembaharuan bahan, tempahan bahan, penggunaan ruang dan transaksi kutipan wang kaunter serta kepenggunaan pengguna.
- II. Pengendalian bahan perpustakaan untuk rujukan pengguna
- III. Pengurusan statistik perkhidmatan perpustakaan
- IV. Pengurusan dan pengendalian sistem sokongan keselamatan ruang, peralatan, pengguna dan bahan.
- V. Penguatkuasaan peraturan perpustakaan

OBJEKTIF

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

- i. Membangunkan koleksi bahan dalam bidang teras universiti secara komprehensif dan terkini.
- ii. Memastikan koleksi bahan menyokong pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan universiti.
- iii. Memastikan koleksi buku teks atau rujukan umum bersesuaian dengan keperluan kursus dan fakulti/pusat tanggungjawab.

STAF SEKSYEN SIRKULASI

- i. Puan Siti Saluwa Binti Jamal - Ketua Bahagian Perkhidmatan Maklumat
- ii. En Harulrizam Bin Mohamed@Ghazali - Ketua Seksyen
- iii. En Zaidi Bin Saad - Ketua Unit
- iv. En Muhammad Hafeez Bin Zainuddin - Penolong Pustakawan

KAMPUS INDUK

- I. Puan Mi Azian Binti Ab. Karim - Pembantu Pustakawan Kanan
- II. Puan Norfazlin Binti Tambi Chek - Pembantu Pustakawan Kanan
- III. Puan F Haslinda Binti Harun - Pembantu Pustakawan Kanan
- IV. En Mohd Siddiq Azizi Bin Jais - Pembantu Pustakawan
- V. Puan Norfaradilla Idayu Binti Ab. Ghafar - Pembantu Pustakawan
- VI. Puan Hafizah Binti Mohamad - Pembantu Pustakawan
- VII. En Mohamad Azhari Bin Johari - Pembantu Pustakawan
- VIII. En Thaqif Bin Mohd. Isa - Pembantu Pustakawan

KAMPUS TEKNOLOGI

- I. Puan Nooraidillah Binti Rasdi - Pembantu Pustakawan Kanan
- II. Puan Siti Syahirah Binti Ab. Rahim - Pembantu Pustakawan
- III. Puan Nurul Atika Binti Harudin - Pembantu Pustakawan
- IV. En Suhaizri Bin Kamaruddin - Pembantu Pustakawan
- V. En Mohd Zulfadhli Bin Razaly - Pembantu Pustakawan

KEHADIRAN PENGUNJUNG

OBJEKTIF KUALITI 2019

Memastikan 5% peningkatan bilangan pengunjung fizikal dan portal Perpustakaan Laman Hikmah.

Pencapaian:

| PENGUNJUNG FIZIKAL | |
|--|------------|
| Bilangan pengunjung fizikal tahun 2018 | 218,236 |
| Bilangan pengunjung fizikal tahun 2019 | 219,006 |
| Perbezaan Bilangan pengunjung | 770 |

Pengunjung Fizikal bagi tahun 2019 adalah meningkat sebanyak 770 orang. Peningkatan sebanyak 0.35%.


| PENGUNJUNG PORTAL | |
|---------------------------------------|-----------------|
| Bilangan pengunjung portal tahun 2018 | 156,661 |
| Bilangan pengunjung portal tahun 2019 | 138,375 |
| Perbezaan Bilangan pengunjung | (18,286) |

Kemerosotan pengunjung portal sebanyak 18,286 pengunjung bersamaan 11.63% berbanding tahun 2018.

| JUMLAH GABUNGAN PENGUNJUNG FIZIKAL DAN PORTAL | |
|--|-----------------|
| Tahun 2018 | 374,897 |
| Tahun 2019 | 357,381 |
| Perbezaan Bilangan pengunjung | (17,516) |

Kehadiran keseluruhan pengguna masih mencatatkan kemerosotan sebanyak -4.67%.

PENGGUNA FIZIKAL




Jadual 1.1 menunjukkan statistik kunjungan pengguna fizikal bagi tahun 2019

Bagi tahun 2019, jumlah pengunjung fizikal yang hadir ke perpustakaan adalah sebanyak 219,006 orang berbanding 218,236 orang pengguna pada tahun 2018. Statistik ini menunjukkan jumlah pengunjung pada tahun 2019 adalah meningkat sebanyak 770 orang.

PENGGUNA MAYA

STATISTIK KEHADIRAN PENGGUNA MAYA 2019



Jadual 1.2 menunjukkan statistik kunjungan pengguna maya bagi tahun 2019

Bagi tahun 2019, jumlah pengunjung maya ke portal perpustakaan adalah sebanyak 138,375 pengguna berbanding 156,661 pengguna pada tahun 2018. Statistik ini menunjukkan jumlah pengunjung pada tahun 2019 adalah menurun sebanyak 18,286 orang.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

KEAHLIAN LUAR

Keahlian perpustakaan juga terdiri daripada keahlian luar di mana keahlian ini adalah terbuka kepada masyarakat dan organisasi yang berminat untuk menjadi ahli perpustakaan. Ahli perpustakaan dapat dibahagikan kepada dua iaitu keahlian merujuk dan keahlian meminjam. Keahlian merujuk adalah pengguna tersebut boleh menggunakan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan kecuali peminjaman bahan perpustakaan.

Manakala bagi keahlian meminjam pula, pengguna tersebut boleh menggunakan semua perkhidmatan yang disediakan di perpustakaan termasuk meminjam bahan perpustakaan. Keahlian luar ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dan juga dikenakan bayaran- bayaran yang telah ditetapkan.

| KEAHLIAN LUAR 2018-2019 | |
|-------------------------------|-----------|
| Bilangan Keahlian tahun 2018 | 113 orang |
| Bilangan Keahlian tahun 2019 | 446 orang |
| Perbezaan Bilangan pengunjung | 333 orang |




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PINJAMAN BAHAN

Pinjaman Bahan (Naskah) 2019

STATISTIK PINJAMAN BAHAN (NASKAH) 2019




Tahun 2018: 19,402 Naskah

Tahun 2019: 9,164 Naskah

Pengurangan : 10,238 Naskah


- Bermula Mac 2019, Sistem Perpustakaan laman Hikmah telah bertukar daripada Sistem ILMU kepada Sistem KOHA.
- Bagi rekod pinjaman bahan, Sistem KOHA menfokuskan kepada transaksi bahan bercetak sahaja berbanding Sistem ILMU yang mengambil kira transaksi pinjaman secara keseluruhan (bahan, peralatan dan ruang).
- Jumlah pinjaman bahan 2019 mencatatkan penurunan sebanyak 10,238 naskah.



Jadual 1.3 menunjukkan aliran graf pinjaman bahan bercetak (Naskah) sepanjang 3 tahun bermula 2017 hingga 2019

- Perkembangan e-buku dalam kepesatan pembangunan teknologi jelas memberi kesan kepada pinjaman buku bercetak .
- Antara faktor Kemerosotan jumlah pinjaman ialah pengguna lebih menfokuskan kepada penggunaan ruang perpustakaan untuk dijadikan tempat berbincang berbanding meminjam bahan.
- Penggunaan e-buku pada masa ini telah menjadi trend dalam mendapatkan maklumat dengan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA lebih mudah dan pantas dengan ciri-cirinya yang interaktif.


Pinjaman Bahan (Peminjam) 2019

STATISTIK PEMINJAM 2019

Jadual 1.3 menunjukkan aliran graf peminjam Pengguna sepanjang tahun 2019 bermula Januari hingga Disember

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


Secara keseluruhan, jumlah keseluruhan pinjaman mengikut naskah bagi **tahun 2019** adalah sebanyak **9,164 naskah** berbanding dengan pencapaian bagi **tahun 2018** sebanyak **19,402 naskah** dengan perbezaan penurunan sebanyak **10,238 naskah**.



Jadual 1.4 menunjukkan aliran graf pinjaman bahan (Naskah) berdasarkan Fakulti sepanjang tahun 2019 bermula Januari hingga Disember.

FPTT mencatatkan pinjaman bahan tertinggi dengan jumlah 1,103 naskah bahan diikuti oleh FTMK sebanyak 1,064 naskah.


JUMLAH PEMINJAM MENGIKUT FAKULTI JAN HINGGA DIS 2019



Jadual 1.4 menunjukkan aliran graf peminjam berdasarkan Fakulti sepanjang tahun 2019 bermula Januari hingga Disember.

PENGGUNAAN RUANG

Selain menyediakan perkhidmatan peminjaman dan pemulangan bahan, Perpustakaan Laman Hikmah juga menyediakan kemudahan penggunaan ruang dan bilik bagi semua pengguna perpustakaan di ketiga-tiga kampus. Setiap cawangan menyediakan kemudahan bilik yang boleh digunakan sama ada ditempat oleh pengguna mahupun pensyarah. Tatacara pengguna bilik ini adalah melalui Sistem Tempahan Bilik menggunakan e-Calendar yang disediakan oleh PPPK. Setiap cawangan akan menguruskan bilik tersebut dengan diuruskan oleh ‘admin’ yang telah dilantik.



| PENGGUNAAN RUANG 2018-2019 | |
|--------------------------------|--------|
| Bilangan penggunaan tahun 2018 | 91,759 |
| Bilangan penggunaan tahun 2019 | 92,223 |
| Perbezaan Bilangan pengunjung | 464 |

PELAKSANAAN PENGOPERASIAN RUANG 24 JAM PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH UTeM

- I. Waktu pengoperasian 24 jam sehari ini tanpa penglibatan staf PLH selepas waktu operasi rasmi perkhidmatan PLH.
- II. Dimulakan pada 13 Mei 2019 dan Dirasmikan pada 17 mei oleh YBhg.Profesor Datuk Ts.Dr.Sahrin Bin Sahib. FASc. Naib Canselor UTeM
- III. Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) telah ditempatkan di lokasi strategik bagi pemantauan pengguna.
- IV. Pelaksanaan pengoperasian ruang 24 jam ini melibatkan Aras 1 Perpustakaan Kampus Induk, UTeM secara unmanned.
- V. Kehadiran pengguna bagi waktu 10.00 malam hingga 8.00 pagi bermula Mei hingga Disember 2019 ialah seramai 8,056 pengguna.



AKTIVITI DAN PROGRAM

Berikut merupakan program dan aktiviti anjuran dan penglibatan Seksyen Sirkualsi sepanjang tahun 2019.

1. Perpindahan Perpustakaan Kampus Bandar

- I. Jadual perpindahan Perpustakaan Kampus Bandar bermula 9 hingga 15 Januari 2019 melibatkan staf Sirkulasi melakukan tugas menyemak senarai bahan dan memasukkan bahan dalam kotak yang diterima daripada Pejabat pembangunan UTeM, tagging dan melekatkan listing pada kotak.
- II. Perpindahan bahan-bahan yang telah dimasukkan kedalam kota Perpustakaan Kampus Bandar ke Kampus Teknologi bermula 16 hingga 18 Januari 2019 melibatkan staf Sirkulasi melakukan tugas mengeluarkan bahan daripada kotak serta menyusun kembali di rak buku mengikut kategori dan nombor panggilan.
- III. Penyerahan kunci kepada Pejabat Pembangunan telah dilakukan pada 25 Feb 2019. Dengan Penyerahan kunci bermakna Proses perpindahan telah selesai.

2. Kursus Pemantapan Kualiti Kaunter "Mendepani realiti keperluan generasi semasa.

Bersediakah kita?

TARIKH : Selasa, 12 Februari 2019

MASA : 8.30 Petang Hingga 5.00 Petang

TEMPAT : Ruang Tayangan Aras 1, Perpustakaan Laman Hikmah

3. Pendaftaran Pelajar Baharu Program Ijazah Sarjana Muda (Prasisawazah)

TARIKH : 8 hingga 15 Februari 2019

MASA : 8.30 Petang Hingga 5.00 Petang

TEMPAT : Perpustakaan Laman Hikmah

4. Program Kad Hijau kepada Pelajar Tahun Tiga Program Kejuruteraan Elektrik dan Mekatronik dan Pelajar Tahun Dua Pengajian Diploma Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektrik

TARIKH : 6 April hingga 12 Mei 2019

MASA : 8.30 Petang Hingga 5.00 Petang

TEMPAT : Perpustakaan Laman Hikmah

5. Program Pesta Sukan UKUR Se-Malaysia Kali ke 32, 2019

TARIKH : 2 April hingga 14 April 2019

MASA : 8.30 pagi Hingga 10 malam

TEMPAT : Perpustakaan Laman Hikmah

6. Program Pusat pembangunan Pendidikan Bumiputera

TARIKH : 12 Mei 2019

MASA : 9.00 pagi Hingga 1.00 petang

TEMPAT : Perpustakaan Laman Hikmah

7. Program Pemeriksaan Kesihatan

TARIKH : 10 Julai 2019

MASA : 9.00 pagi Hingga 1.00 petang

TEMPAT : Perpustakaan Laman Hikmah

8. "Symposium on Intelligent Manufacturing & Mechatronics (SIMM2019)

TARIKH : 8 Julai 2019

MASA : 9.00 pagi Hingga 5.00 petang

TEMPAT : Perpustakaan Laman Hikmah

9. Majlis Konvokesyen ke 15 UTeM (Kaunter Pengambilan Jubah)

TARIKH : 26 Nov hingga 4 Disember 2019

MASA : 9.00 pagi Hingga 5.00 petang

TEMPAT : Perpustakaan Laman Hikmah

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bagi statistik pencapaian 2019 perkhidmatan dan kemudahan di bawah pengawasan Seksyen Sirkulasi, hanya penggunaan ruang dan bilik sahaja yang menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun 2018. Bagi penurunan statistik pinjaman bahan dan kunjungan pengguna, beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut bagi meningkatkan pencapaian statistik kedua-dua perkhidmatan tersebut.

Medium pembelajaran itu sendiri di mana ‘Google’ banyak mempengaruhi para pengguna dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan. Selain itu, kemudahan wi-fi di mana-mana di sekitar kampus juga memudahkan para pelajar untuk mendapatkan maklumat melalui Internet. Dengan kemudahan pengaksesan Internet yang mudah ini, pengguna dapat mencari maklumat yang diperlukan sama ada di kelas, asrama mahupun di kafe. Justeru, mengakses maklumat di lokasi yang terdekat adalah lebih menjadi pilihan berbanding menuju ke perpustakaan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER SEKSYEN PEMBANGUNAN KOLEKSI (SPeK)



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENGENALAN

Seksyen Repositori merupakan suatu unit yang melaksanakan proses pendigitalan bagi pembangunan koleksi bahan digital atas talian perpustakaan. Sejajar dengan fungsi Perpustakaan sebagai pusat pengumpulan, penyimpanan, pemeliharaan dan pemuliharaan maklumat saintifik dan penyelidikan yang dihasilkan oleh semua staf akademik, penyelidik, pelajar dan warga UTeM, Seksyen Repositori merupakan satu inisiatif yang diwujudkan bagi memastikan aktiviti pendigitalan yang dijalankan dirancang dan diuruskan secara sistematik serta mengikut format dan tatacara yang telah ditetapkan.

Seksyen Repositori berperanan dalam:

1. Pembangunan dasar, garis panduan repositori dan memori korporat universiti
2. Pusat penyimpanan dan pengaksesan bahan ilmiah dan bahan umum yang dihasilkan oleh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) secara digital
3. Merancang dan mempertingkatkan strategi IR UTeM bagi menaikkan *ranking* dan visibility universiti di peringkat dunia
4. Pendokumentasian dan pendigitalan memori korporat
5. Pusat penyimpanan dan pengaksesan bahan-bahan memori korporat yang menyumbang kepada kecemerlangan dan kegemilangan UTeM

Seksyen Repositori ini terdiri daripada dua unit iaitu Unit Digital dan Unit Memori Korporat. Kedua-dua unit ini melibatkan pengumpulan, pemeliharaan dan pendigital bahan namun berbeza dari segi kategori dan jenis bahan. Pemeliharaan harta intelek UTeM ini melibatkan semua hasil penyelidikan dan bukan penyelidikan UTeM seperti artikel, kertas seminar, buku, bab dalam buku, laporan penyelidikan, Tesis (Sarjana, PhD.) dan Projek Sarjana Muda (PSM) serta koleksi UTeM seperti Teks Ucapan Naib Canselor dan koleksi-koleksi bahan-bahan sejarah yang bernilai arkib serta gambar-gambar peristiwa UTeM yang akan disimpan dalam format digital dan dapat diakses secara dalam talian.

FUNGSI UNIT DIGITAL

1. Mengenalpasti, merancang, memperolehi, menguruskan dasar dan isi kandungan bagi pembangunan Repozitori Universiti (RU) bagi kemudahan pengaksesan bahan ilmiah serta bahan umum yang dihasilkan oleh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) secara berpusat.
2. Merancang dan mempertingkatkan strategi Repozitori Institusi UTeM (IR UTeM) bagi mempertingkatkan *ranking* repositori diperingkat dunia.
3. Mengurus dan memastikan bahan yang diterima daripada Seksyen Pembangunan Koleksi didigitalkan dan bahan ilmiah di dalam sistem URIS dimuat naik ke dalam IR UTeM.
4. Mengurus dan mengemaskini isi kandungan kertas peperiksaan di dalam pangkalan data dalam Perpustakaan bagi kemudahan pelajar dalam membuat rujukan.

FUNGSI UNIT MEMORI KORPORAT

- 
1. Merancang dan menguruskan dasar dan garis panduan memori korporat
 2. Mengumpul maklumat yang bernilai sejarah dan simbolisme kepada universiti
 3. Menyediakan pengurusan koleksi memori korporat
 4. Menjalankan penyelidikan dan pendokumentasian memori korporat
 5. Menguruskan pendigitalan bahan memori korporat

Unit Memori Korporat baharu saja beroperasi bermula Jun 2019. Unit ini merupakan unit yang baharu ditubuhkan pada 2019 selaras dengan perancangan KPI Perpustakaan Laman Hikmah untuk mengumpul dan memelihara semua bahan-bahan arkib yang mempunyai nilai sejarah kepada UTeM. Tenaga kerja Seksyen Repositori terdiri daripada lapan orang staf iaitu:

I. Pustakawan Kanan

Nurul Akmar binti Mehat

Hasliza binti Mohamed

II. Pembantu Perpustakaan Kanan

Jumayah binti Yaacob

Nor Aini binti Md JaliL

Mohd Nazir bin

III. Pembantu Perpustakaan

Mohd Hannif bin Jamaludin

Ahmad Tarmizi bin Abdul Hadi



LAPORAN PENCAPAIAN SEKSYEN REPOSITORY 2019


Unit Digital

Penerimaan Bahan

Sehingga **31 Disember 2019**, Unit Digital telah menerima sebanyak **2,474 judul bahan** yang merangkumi Projek Sarjana Muda (PSM), Projek Jangka Panjang/Pendek, tesis, Teks Ucapan Naib Canselor, artikel, kertas peperiksaan dan nota kursus. Bahan diterima daripada Seksyen Pembangunan Koleksi (SPeK) dan ditarik daripada sistem URIS. Perbezaan sebanyak 1181 naskah bahan yang diterima kurang berbanding tahun 2018. Jadual di bawah adalah perincian jumlah penerimaan bahan mengikut kategori bahan. Terdapat juga bahan yang dibawa daripada 2018 yang tidak dapat diproses iaitu nota kursus sebanyak **31 bahan**.

| TAHUN | PSM | | TESIS | | PJP | | KERTAS PEPERIKSAAN | NOTA KURSUS | TEKS UCAPAN NC | ARTIKEL | | JUMLAH |
|-------|------|------|-------|------|-----|------|-----------------------|----------------|-------------------|--------------|------|--------|
| | CDR | BUKU | CDR | BUKU | CDR | BUKU | | | | CDR/HARDCOPY | URIS | |
| 2018 | 1259 | 124 | 280 | 74 | 78 | 0 | 1152 | 31 | 52 | 2 | 603 | 3655 |
| 2019 | 902 | 76 | 149 | 47 | 65 | 0 | 921 | 31 | 5 | 2 | 276 | 2474 |

Jadual 1 : Statistik Penerimaan Bahan 2018-2019




Graf 1: Statistik Penerimaan Bahan 2019

Pengeluaran Bahan

Pengeluaran bahan di Unit Digital meliputi penghantaran bahan yang telah siap dimuatnaik dan disahkan. Jumlah pengeluaran bahan oleh Unit Digital bermula Januari sehingga Disember 2019 adalah sebanyak **2,474 judul**. Penurunan pengeluaran bahan berbanding jumlah tahun sebelumnya adalah berdasarkan penerimaan bahan yang diterima pada tahun 2018 yang melebihi daripada tahun 2019. Jumlah ini merangkumi bahan monograf seperti artikel, Projek Sarjana Muda, Projek Jangka Panjang/Pendek, tesis, kertas peperiksaan, kertas seminar, paten, buku, seksyen buku dan Teks Ucapan Naib Canselor. Perincian adalah seperti di dalam jadual di bawah:

| TAHUN | PSM | | TESIS | | PJP | | KERTAS PEPERIKSAAN | NOTA KURSUS | TEKS UCAPAN NC | ARTIKEL | | JUMLAH |
|-------|------|------|-------|------|-----|------|-----------------------|----------------|-------------------|--------------|------|--------|
| | CDR | BUKU | CDR | BUKU | CDR | BUKU | | | | CDR/HARDCOPY | URIS | |
| 2018 | 1259 | 124 | 280 | 74 | 78 | 0 | 1152 | 0 | 51 | 2 | 603 | 3623 |
| 2019 | 902 | 76 | 149 | 47 | 65 | 0 | 921 | 31 | 5 | 2 | 276 | 2474 |

Jadual 2: Jumlah pengeluaran bahan 2018-2019




Graf 2: Jumlah pengeluaran bahan 2019

Statistik Keseluruhan Pendigitalan Bahan 2019

| | PSM | | TESIS | | PJP | | KERTAS PEPERIKSAAN | NOTA KURSUS | TEKS UCAPAN NC | BAHAN KOLEKSI KHAS | ARTIKEL | JUMLAH |
|-------------------|-----|------|-------|------|-----|------|--------------------|-------------|----------------|--------------------|---------|--------|
| | CDR | BUKU | CDR | BUKU | CDR | BUKU | | | | | | |
| PENERIMAAN | 902 | 76 | 149 | 47 | 65 | 0 | 921 | 31 | 5 | 0 | 2 | 2198 |
| PENGELUARAN | 902 | 76 | 149 | 47 | 65 | 0 | 921 | 31 | 5 | 0 | 2 | 2198 |
| BELUM DIKELUARKAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |

Jadual 3: Jumlah keseluruhan pendigitalan bahan 2019



Graf 3: Jumlah keseluruhan pendigitalan bahan Januari hingga Disember 2019

Sehingga 31 Disember 2019, Unit Digital telah mendigitalkan **100%** bahan yang diterima daripada Seksyen Pembangunan Koleksi berjumlah **2,198 judul / 2,198 naskah**.

Secara keselurhannya, peratus pencapaian Unit Digital adalah sebanyak **100%**. Pendigitalan bahan meliputi keseluruhan bahan yang diterima daripada Seksyen Pembangunan Koleksi iaitu sebanyak **2,198 judul**. Semua bahan yang diterima telah diproses dan dikeluarkan untuk rujukan pengguna mengikut ketetapan masa seperti yang telah dirancang. Bagi melicinkan proses pengeluaran bahan, pemakluman awal telah diberikan kepada Seksyen Pembangunan Koleksi agar semua bahan yang perlu dihantar ke Unit Digital diserahkan sebelum atau pada 30 November 2019.

Bahan yang dimuat naik ke dalam IR

| TAHUN | PSM | | TESIS | | PJP | | NOTA KURSUS | TEKS UCAPAN NC | ARTIKEL | | JUMLAH |
|-------|------|------|-------|------|-----|------|-------------|----------------|--------------|------|--------|
| | CDR | BUKU | CDR | BUKU | CDR | BUKU | | | CDR/HARDCOPY | URIS | |
| 2018 | 1259 | 124 | 280 | 74 | 78 | 0 | 0 | 51 | 2 | 549 | 2417 |
| 2019 | 902 | 76 | 149 | 47 | 65 | 0 | 31 | 5 | 2 | 276 | 1553 |

Jadual 4: Jumlah bahan yang dimuatnaik ke dalam UTeM IR 2018-2019

Sehingga 31 Disember 2019, Unit Digital telah memuatnaik **100%** ke dalam Institusi Repotori dengan berjumlah **1,553 judul / 1,553 naskah**. Sumber bahan adalah daripada SPeK dan sistem URIS. Walaubagaimanapun terdapat penurunan 926 judul (35.7%) bahan yang dimuatnaik pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 kerana kekurangan bahan yang diterima daripada SPeK kerana peralihan sistem Perpustakaan ILMU kepada KOHA dan pemberhentian sementara penarikan data daripada bridge URIS-EPRINTS mulai April hingga Disember bagi tujuan menaiktaraf platform tersebut.

Jumlah bahan di dalam portal IR

| Jenis bahan | Article | Book Section | Conference / Workshop Item | Book | Thesis | Patent |
|-------------|---------|--------------|----------------------------|------|--------|--------|
| 2019 | 3411 | 121 | 1667 | 136 | 1292 | 23 |
| 2018 | 3133 | 121 | 1636 | 136 | 1096 | 23 |

| Jenis bahan | Monograph | Show/Exhibition | Image | Video | Audio | Teaching Resource | NC Speech | Other |
|-------------|-----------|-----------------|-------|-------|-------|-------------------|-----------|-------|
| 2019 | 11173 | 6 | 4 | 26 | 1 | 1743 | 294 | 87 |
| 2018 | 10130 | 6 | 4 | 26 | 1 | 1743 | 289 | 87 |

Jadual 3: Jumlah bahan di dalam IR 2018-2019

Sehingga 31 Disember 2019, jumlah bahan di dalam IR ialah **19,984 judul**.

Tiada pertambahan bahan bagi *book section, book, patent, show/exhibition, image, video, audio, teaching resources* dan *other*.

Statistik muat turun bahan di IR

| Jenis bahan | Article | Book Section | Conference / Workshop Item | Book | Thesis | Patent |
|-------------|---------|--------------|----------------------------|-------|--------|--------|
| 2019 | 19,065 | 4,212 | 23,564 | 9,216 | 10,665 | 21 |
| 2018 | 27,143 | 4,959 | 27,891 | 8,684 | 14,715 | 32 |

| Jenis bahan | Monograph | Show/Exhibition | Image | Video | Audio | Teaching Resource | NC Speech | Other |
|-------------|-----------|-----------------|-------|-------|-------|-------------------|-----------|-------|
| 2019 | 347,820 | 18 | 4 | 587 | 14 | 392 | 8,684 | 488 |
| 2018 | 365,725 | 2 | 2 | 2,288 | 12 | 517 | 5,982 | 236 |

Jadual 4: Statistik muatturun bahan di dalam IR 2018-2019

Berikut adalah jumlah muat turun bahan daripada IR bagi tahun 2018 dan 2019. Jumlah muat turun bahan bagi tahun 2018 adalah 458,188 manakala pada tahun 2019 adalah 424,750. Penurunan sebanyak 33,438 (7.29%) kerana terdapat kerja naik taraf versi Eprints pada bulan September hingga Disember 2019.

Muat naik kertas peperiksaan ke dalam JOOMLA

Sehingga kini, PLH mempunyai **8,667** koleksi kertas peperiksaan. Sejumlah **921** kertas peperiksaan telah dimuatnaik ke JOOMLA bagi tujuan pengaksesan kertas peperiksaan kepada pengguna bagi tahun 2019. Pada 8 April 2019, kertas peperiksaan gagal di akses kerana platform Joomla versi 1.0 perlu dinaiktaraf. Bagi tujuan penambahbaikan platform kertas peperiksaan kedua telah dibangunkan

menggunakan JOOMLA versi 3.0. Kini terdapat dua platform bagi pengaksesan kertas peperiksaan iaitu platform 1 bagi kertas peperiksaan tahun 2002-2018 dan platform 2 bagi tahun 2019-.

Muat naik PSM ke dalam server PPPK

Permohonan penyimpanan softcopy PSM di dalam server PPPK telah dibuat pada 22/2/2019. Pengumpulan sejumlah 3,000 PSM telah dilaksanakan pada tahun ini melalui softcopy daripada CD, penerimaan 1,356 softcopy PSM daripada FTMK dan softcopy di dalam server lama.

Unit Memori Korporat

Pengumpulan gambar dan bahan

Sehingga Disember 2019, Unit Memori Korporat telah berjaya mengumpul sebanyak **9,472 naskah**. Bahan-bahan yang telah dikumpul adalah seperti buku-buku terbitan UTeM, laporan tahunan UTeM, buletin Pusat Tanggungjawab, album-album peribadi milik Datuk Dr. Ismail bin Hassan, slaid-slaid Mesyuarat Utama, Master Plan UTeM, bahan-bahan majlis konvokesyen UTeM dan gambar-gambar peristiwa dan program yang melibatkan staf mahupun pelajar UTeM. Bahan-bahan ini antaranya adalah koleksi daripada Perpustakaan Laman Hikmah ini sendiri, sumbangan daripada staf dan pelajar serta Galeri UTeM.

| Bil. | Nama Bahar | Jumlah Gambar |
|---------------------------|---|---------------|
| 1. | Bahan berkaitan sejarah UTeM (buku, laporan tahunan, buletin) | 226 |
| 2. | Gambar peristiwa dan program universiti | 3,613 |
| 3. | Majlis Konvokesyen UTeM | 5,633 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 9,472 |

Temubual

Dalam mengumpul maklumat-maklumat serta bahan-bahan yang berkaitan dengan penubuhan awal UTeM, projek temubual dengan tenaga penggerak UTeM di peringkat awal penubuhan UTeM. Temubual ini adalah untuk mengetahui maklumat dan informasi berkaitan dengan penubuhan UTeM secara lebih dekat melalui pengalaman dan cerita. Antara tenaga penggerak yang telah ditemubual adalah:

- Datuk Profesor Dr. Mohd Ruddin bin Ab. Ghani
- Datuk Profesor Ismail bin Hassan
- Prof. Dr. Mohamad Ishak bin Desa
- Puan Hjh. Noraida binti Attan
- Puan Hjh. Faridah binti Hj. Md Amin
- En Khairul bin Taib
- Puan Nornahar binti Akashah

Aktiviti sepanjang tahun

| Tarikh | Perkara | Maklumat |
|--------------|--|--|
| 8 April 2019 | Lawatan penandaarasan oleh Jawatankuasa Task Force Repotori Universiti (RU), Unit Dasar & Kualiti serta Seksyen Sirkulasi Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) ke Perpustakaan Tun Abdul Razak Universiti Teknologi Mara Malaysia (UiTM), Shah Alam | Lawatan penandaarasan ini telah dilaksanakan pada di Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor bertujuan untuk memantapkan pemahaman dan menjana idea staf dalam sistem pengurusan rekod universiti secara atas talian, pembangunan korporat memori universiti termasuk galeri, arkib dan muzium, pemantapan Repotori Institusi dan perancangan strategik perpustakaan dalam mendepani skop perkhidmatan yang lebih besar kepada warga universiti. |
| 9 April 2019 | Bengkel Asas Penulisan Perpustakaan Laman Hikmah | Bengkel telah disertai oleh 19 orang peserta. Untuk sesi pertama : peserta bengkel didedahkan dengan pengertian penulis dan apa ciri-ciri yang perlu ada |

| | | |
|----------------|--|--|
| | | <p>dalam diri penulis, cabaran, cara menjadi penulis yang baik, cara mencari idea dan ilham, cara mengembangkan idea, cara menulis, kesilapan dalam penulisan dan adab-adab penulisan. Untuk sesi kedua, penceramah berkongsi berkenaan pengalaman beliau sebagai wartawan sambilan dan penulis buku, penglibatan awal, kelebihan dan bagaimana menjadi wartawan yang baik serta cabaran yang dihadapi. Berkongsi pengalaman sebagai pengarang buku serta cabaran yang dihadapi.</p> <p>Bagi sesi ketiga, penerangan kepada kaedah mewawancara, 4 jenis sumber dalam penulisan bahan sejarah, proses dan kekuatan temubual, keperluan mendapatkan maklumat yang sahih, cara mewujudkan hubungan komunikasi, kelemahan proses temubual, fasa dan waktu temubual. Pada sesi terakhir, peserta dibahagikan kepada dua kumpulan untuk melakukan latihan wawancara kepada model yang terpilih bagi mendapatkan maklumat berkenaan latarbelakang, maklumat keluarga, pendidikan dan kerjaya. AYSIA MELAKA</p> |
| 20-21 Jun 2019 | Bengkel Perancangan Strategik Pemerkasaan Repositori Institusi (IR) UTeM | Bengkel ini adalah sebagai medan pemantapan bagi perlaksanaan yang melibatkan proses penetapan bagi pembetulan data entri dan pembangunan manual bagi strategi peningkatan ranking IR. Ianya juga merupakan persediaan kepada pembangunan dasar dan garis panduan IR UTeM. |
| 02 Julai 2019 | Projek IR & RU sempena cuti semester bagi Kampus Teknologi | Projek ini diadakan sepanjang cuti semester dengan kerjasama Seksyen Sirkulasi. Bertujuan untuk membantu menambahkan masa kerja staf sirkulasi semasa cuti semester dan mempercepatkan proses penyediaan |

| | | |
|--------------------|--|---|
| | | PSM bagi projek RU. Sejumlah 2871 artikel perlu dimuat turun daripada sumber Journal@UTeM dan 600 PSM CD disediakan untuk ditukar ke format pdf dalam projek tersebut. Daripada sasaran 390 artikel telah dimuat turun dan 128 PSM telah disediakan. |
| 7-8 Oktober2019 | Bengkel Menaiktaraf Eprints Bagi Repotori Institusi | Menaiktaraf eprints kepada versi 3.3.16 dan pengemaskinian platform IR mengikut bahan. Url http://ir.utem.edu.my : memfokuskan pengumpulan bahan ilmiah berdasarkan Transparent Ranking di (Article, Book Section, Conference or Workshop Item, Book, Thesis, Patent). Manakala http://eprints.utem.edu.my masih mengekalkan bahan yang lama seperti Monograph, Show/Exhibition, Image, Video, Audio, Teaching Resource, NC Speech, Other. Penyediaan platform ini adalah seperti yang diputuskan melalui Mesyuarat JK IR Bil.2/2019 |

PENUTUP



Secara keseluruhannya, Seksyen Repotori telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Dalam mencapai sasaran yang telah dirancang, Unit Digital telah menjalankan beberapa perancangan untuk tahun berikutnya dalam menaikkan lagi kedudukan UTeM IR dalam Transparent Ranking untuk tahun-tahun seterusnya. Menaiktaraf Eprints ke versi 3.3.16 daripada 3.1.3 merupakan satu cara untuk menaikkan kedudukan UTeM IR dalam Transparent Ranking. Pelbagai usaha lain juga dilakukan dan dirancang untuk Repotori Institusi dengan mengatur gerak kerja yang lebih sistematik bersama dengan Pusat Perkhidmatan Pengetahuan Dan Komunikasi bagi penyediaan platform dan juga penyediaan bahan untuk dimuatnaik ke dalam Repotori Institusi.

Bagi Unit Memori Korporat, pencapaian untuk setengah tahun juga telah menunjukkan perkembangan yang positif walaupun unit tersebut baru saja ditubuhkan dan beroperasi dengan kekuatan seorang pegawai dan seorang staf sahaja. Namun begitu, terdapat beberapa perancangan yang harus ditambahbaik dengan lebih teliti dan meluas bagi meningkatkan lagi jumlah pengumpulan bahan serta meluaskan lagi radar pengesanan dan pencarian bahan.

Seksyen Repotori sentiasa berusaha untuk mencapai target atau sasaran yang telah dirancang dan ditetapkan. Usaha dan kerjasama antara semua staf Seksyen Repotori akan sentiasa dipertingkatkan dan diselaraskan mengikut perancangan unit dan seksyen bagi menyokong matlamat Perpustakaan Laman Hikmah.



Seksyen Automasi yang terdiri daripada Unit Sistem & Aplikasi Perpustakaan merupakan antara seksyen yang terpenting di dalam pengurusan Perpustakaan. Seksyen ini bertanggungjawab memastikan Sistem Pengurusan Perpustakaan Bersepadu, peralatan ICT, portal, sistem & aplikasi dalaman, pelayan proksi web EZproxy dan rangkaian komputer berfungsi dengan baik. Bagi memastikan segala perancangan mencapai sasaran, Seksyen Automasi menetapkan beberapa objektif seperti berikut :

1. Memastikan sistem perpustakaan sentiasa menyediakan perkhidmatan terbaik untuk pengguna di perpustakaan.
2. Memastikan perpustakaan mempunyai aplikasi dan perkakasan yang memenuhi keperluan semasa.
3. Memastikan staf perpustakaan berpengetahuan dalam menggunakan sistem dan aplikasi perpustakaan.

FUNGSI UTAMA:

- Menyelaras Sistem Pengurusan Perpustakaan Bersepadu (KOHA)
- Mengurus, menyelenggara, menaiktaraf dan menambahbaik sistem dan aplikasi perpustakaan
- Merancang, melaksanakan perolehan, penyelenggaraan perkakasan dan perisian peralatan ICT
- Mengurus portal perpustakaan dan pelayan proksi web EZproxy







PERANCANGAN SEKSYEN AUTOMASI 2019:-

Sebanyak 6 KPI telah dirancang bagi pelaksanaan Seksyen Automasi bagi tahun 2019 iaitu :-

- i. 5 KPI baharu
- ii. 1 KPI berterusan dari tahun 2018

Pencapaian pelaksanaan KPI :-

- i. 4 KPI telah dilaksanakan 100%
- ii. 2 KPI adalah projek berterusan bagi tahun 2020



Pelaksanaan Sistem Pengurusan Perpustakaan Bersepadu KOHA untuk Perpustakaan Laman Hikmah

Sistem ILMU telah digunakan di Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sejak dari tahun 2005. Sistem ini adalah sebuah sistem perpustakaan bersepadu yang mengintegrasikan fungsi-fungsi tertentu bagi membolehkan perpustakaan melaksanakan tugas seperti perolehan/ langganan bahan, penerimaan, pemprosesan, pengkatalogan, pencarian bahan dan transaksi sirkulasi seperti pinjaman, pemulangan, pembaharuan, tempahan bahan dan penyediaan statistik. Aktiviti-aktiviti ini dilakukan melalui modul-modul yang terdapat dalam sistem ILMU iaitu modul Perolehan, Pengkatalogan, Sirkulasi, OPAC dan InfoTrack.

Pada 25 & 26 Ogos 2016, Unit Sistem Perpustakaan, Bahagian Automasi telah menghadiri Bengkel Sistem Perpustakaan KOHA di Pusat Eureka, Universiti Sains Malaysia. Hasil daripada bengkel tersebut didapati bahawa sistem ini berkeupayaan dan berpotensi untuk digunakan di Perpustakaan UTeM bagi menggantikan sistem ILMU.

Cadangan penukaran sistem juga adalah saranan daripada Ketua Pegawai Maklumat (CIO) dalam Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Bil. 8/2016 pada 17 Oktober 2016 supaya Bahagian Automasi, Perpustakaan membuat perancangan menggunakan sistem baharu KOHA yang berasaskan sumber terbuka serta dibincangkan dalam sesi perjumpaan di antara wakil Bahagian Automasi, Perpustakaan dengan wakil Pusat Perkhidmatan Pengetahuan Dan Komunikasi (PPPK) yang telah diadakan pada 24 November 2016. Pihak Perpustakaan dan PPPK telah bersetuju untuk melaksanakan perancangan pembangunan sistem Perpustakaan KOHA oleh pihak pembekal yang dilantik bagi memudahkan pengurusan sendiri pada masa akan datang.

Di antara faktor-faktor penting yang diambil kira dalam membuat perancangan untuk menggunakan sistem Perpustakaan KOHA bagi menggantikan sistem ILMU adalah kemampuan sistem berkenaan untuk berfungsi sepenuhnya, fleksibel dan menyeluruh. Ini melibatkan perkara-perkara berikut :

- a. Kos yang lebih rendah
- b. Bantuan sokongan (kepakaran dalaman)
- c. Perpustakaan mempunyai hak dan kuasa untuk melakukan sebarang perubahan atau penambahbaikan pada sistem yang digunakan.
- d. Mudah untuk disepadukan dengan aplikasi-aplikasi lain, perkakasan dan sistem pelayan.
- e. Pengurusan bahan-bahan dan operasi perpustakaan yang lebih efisien.

Perancangan penggantian sistem ILMU kepada sistem Perpustakaan KOHA merupakan satu projek yang memerlukan gabungan staf yang mempunyai kepakaran dalam aspek-aspek teknikal dan operasi dari kedua-dua gabungan yang berkaitan iaitu Perpustakaan Laman Hikmah dan PPPK serta menggarap segala ilmu dan teknologi (Transfer of Technology) yang dilakukan oleh pihak pembekal bagi memudahkan pihak perpustakaan dan PPPK melaksanakan operasi dan penyelenggaraan sistem setelah projek ini siap dan dilaksanakan.

'Kick off Meeting' & Mesyuarat Teknikal Pelaksanaan Sistem KOHA di Perpustakaan Laman Hikmah telah diadakan pada 7 Januari 2019 bertempat Bilik Mesyuarat Utama pada 7 Januari 2019 dan seterusnya dengan pelaksanaan *KOHA platform & structure setup, KOHA system setup, configuration of KOHA, migration data, patron staging table, SIP 2 modification, OPAC page, live KOHA testing period* dari 8 hingga 18 Mac 2019 dan *system handover* pada 19 Mac 2019.

Manakala latihan sistem KOHA kepada staf Perpustakaan Laman Hikmah yang terlibat telah diadakan sebanyak 2 sesi dari bulan Januari hingga Mac 2019 yang melibatkan modul *KOHA Administration, Acquisitions, Serials, Cataloging, Circulation* dan *OPAC & User Account*.

Bagi penggunaan modul di sistem KOHA boleh diakses oleh staf Perpustakaan Laman Hikmah di URL: <http://plh.utm.edu.my:8080> dan bagi pencarian bahan di OPAC serta penggunaan User Account oleh pengguna perpustakaan yang berdaftar boleh diakses dengan memasukkan nombor matrik/staf dan kata lauan di URL: <http://plh.utm.edu.my>

PENGENALAN

- Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) mempunyai peranan yang besar kepada program pendidikan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Salah satu aktiviti yang memberikan impak besar kepada aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan adalah penyediaan bahan rujukan yang terkini dan sesuai dengan bidang teras Universiti.
- Melalui polisi dan garis panduan perolehan yang telus dalam memperolehi bahan rujukan yang berkualiti pada kos yang paling minima bagi memenuhi keperluan pengguna dengan menggunakan peruntukan kewangan yang disediakan.
- Seksyen Pembangunan Koleksi merupakan bahagian yang bertanggungjawab mengurus perolehan Perpustakaan UTeM bagi memastikan perolehan yang dibuat mematuhi prosedur yang sedia ada samada perolehan yang melibatkan pembayaran atau diperolehi secara sumbangan dan pertukaran bahan.
- Seksyen Pembangunan Koleksi juga bertanggungjawab dalam pengurusan perpustakaan yang melibatkan proses mengkatalog semua jenis bahan yang diperolehi menerusi aktiviti pembelian, langganan atau sumbangan untuk dijadikan koleksi perpustakaan.

Fungsi

- Pengurusan Perolehan Bahan Monograf, Jurnal / Jurnal Atas Talian dan Majalah, Pangkalan Data, Bahan Koleksi UTeM serta Bahan Sumbangan dan Hadiah
- Pengurusan Bahan Pertukaran
- Mengkatalog Bahan Asal, *Cataloging in Publication (CIP)* dan Naskah Tambahan
- Pengurusan Pemrosesan dan Pengeluaran Bahan untuk rujukan pengguna
- Pengurusan Bahan Untuk Pembaikan dan Penjilidan

Misi

- Menyediakan koleksi perpustakaan yang lengkap dan terkini dan memproses bahan menggunakan aplikasi sistem perpustakaan dalam usaha membantu memberi maklumat dan menyokong proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan Universiti.

Objektif

- Membangunkan koleksi bahan dalam bidang teras Universiti secara komprehensif dan terkini.
- Memastikan koleksi bahan menyokong pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan Universiti.
- Memastikan koleksi buku teks atau rujukan umum bersesuaian dengan keperluan kursus dan fakulti/pusat tanggungjawab.
- Memastikan setiap bahan yang diterima dikatalog mengikut perkara tertentu dan diberi nombor panggilan.
- Menyediakan sistem pencarian bahan yang efisien bagi memudahkan pengguna mengakses bahan-bahan di perpustakaan.

Staf

- Seksyen Pembangunan Koleksi mempunyai tiga unit iaitu Unit Monograf, Unit Sumber Elektronik dan Unit Koleksi UTeM, Hadiah & Pertukaran. Daripada tiga unit tersebut, terdapat 11 staf yang terdiri daripada pelbagai jawatan yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan operasi harian. Pembahagian staf adalah seperti berikut;

Jadual 1: Jumlah staf mengikut unit

| Jawatan | Unit Monograf | Unit Sumber Elektronik | Unit Koleksi UTeM, Hadiah & Pertukaran |
|----------------------------------|---------------|------------------------|--|
| Pustakawan Kanan (Ketua Seksyen) | | 1 | |
| Pustakawan Kanan | 1 | | 1 |
| Pustakawan | | 1 | |
| Pembantu Pustakawan Kanan | 2 | 1 | 2 |
| Pembantu Pustakawan | 1 | 1 | |

- Seksyen Pembangunan Koleksi diketuai oleh seorang Pustakawan Kanan yang menguruskan operasi ketiga-tiga unit dibawahnya dan dibantu oleh 2 orang Pustakawan Kanan, 1 orang Pustakawan, 5 orang Pembantu Pustakawan Kanan dan 2 orang Pembantu Pustakawan. Semua staf ini ditempatkan mengikut unit-unit seperti di Jadual 1.

Penerimaan dan Pengeluaran

- Sepanjang tahun 2019, Seksyen Pembangunan Koleksi telah menerima bahan sebanyak 6,239 judul dan 6,919 naskah. Manakala bagi pengeluaran pula, sebanyak 5,248 judul dan 6,028 naskah telah siap diproses dan dikatalog untuk rujukan pengguna. Jadual 2 menunjukkan jumlah penerimaan mengikut kategori bahan manakala Jadual 3 menunjukkan pengeluaran mengikut kategori bahan.

Jadual 2 : Jumlah Penerimaan Bahan 2019

| Bil | Kategori Bahan | Jumlah | |
|---------------|--|--------------|--------------|
| | | Judul | Naskah |
| 1. | Buku Pembelian | 612 | 680 |
| 2. | Buku Kumpulan Wang Penyelidikan (KWP) | 24 | 26 |
| 3. | Buku Sumbangan | 1,086 | 1,358 |
| 4. | Buku Sumbangan (Koleksi UTeM) | 34 | 56 |
| 5. | Buku Penyelidikan UTeM | 6 | 6 |
| 6. | Jurnal Pembelian (Bercetak) | 19 | 288 |
| 7. | Jurnal Hadiah (Bercetak) | 0 | 1 |
| 8. | Projek Sarjana Muda (PSM) | 1,012 | 1,012 |
| 9. | Projek Sarjana Muda (PSM) (PDF) | 1,356 | 1,356 |
| 10. | Tesis | 101 | 101 |
| 11. | Projek Jangka Pendek (PDF) | 58 | 58 |
| 12. | Kertas Soalan Peperiksaan | 813 | 813 |
| 13. | Teks Ucapan Naib Canselor | 2 | 2 |
| 14. | Buletin | 4 | 55 |
| 15. | Koleksi Melaka | 5 | 7 |
| 16. | Bahan Digital Pembelian | 7 | 7 |
| 17. | Bahan Digital Kumpulan Wang Penyelidikan (KWP) | 1 | 1 |
| 18. | Bahan Digital Sumbangan | 3 | 6 |
| 19. | Bahan Digital Koleksi UTeM | 1,096 | 1,096 |
| JUMLAH | | 6,239 | 6,919 |

Jadual 3 : Jumlah Pengeluaran Bahan 2019

| Bil | Kategori Bahan | Jumlah | |
|---------------|--|--------------|--------------|
| | | Judul | Naskah |
| 1. | Buku Pembelian | 455 | 490 |
| 2. | Buku Kumpulan Wang Penyelidikan (KWP) | 25 | 26 |
| 3. | Buku Sumbangan | 607 | 991 |
| 4. | Buku Sumbangan (Koleksi UTeM) | 37 | 75 |
| | Buku Penyelidikan UTeM | 3 | 3 |
| 5. | Jurnal Pembelian (Bercetak) | 19 | 288 |
| 8. | Projek Sarjana Muda (PSM) | 1,506 | 1,506 |
| 9. | Tesis | 198 | 198 |
| 10. | Projek Jangka Pendek (PDF) | 58 | 58 |
| 11. | Kertas Soalan Peperiksaan | 813 | 813 |
| 12. | Teks Ucapan Naib Canselor | 1 | 1 |
| 13. | Buletin | 2 | 49 |
| 14. | Koleksi Melaka | 5 | 7 |
| 16. | Bahan Digital Pembelian | 7 | 8 |
| 17. | Bahan Digital Kumpulan Wang Penyelidikan (KWP) | 1 | 1 |
| 18. | Bahan Digital Sumbangan | 6 | 9 |
| 19. | Bahan Digital Koleksi UTeM | 1,505 | 1,505 |
| JUMLAH | | 5,248 | 6,028 |

- Berdasarkan Jadual 2 dan Jadual 3, jumlah penerimaan dan pengeluaran bahan bagi tahun 2019 berbanding tahun 2018 adalah pengurangan sebanyak 14.2% untuk penerimaan bahan. Manakala pengeluaran bahan pula terdapat pengurangan sebanyak 20.9%.
- Semua bahan yang diproses telah dikatalog menggunakan format pengkatalogan **Resource Description Access (RDA)**.

Unit Monograf

Pengenalan

- Unit Monograf dipertanggungjawabkan untuk memperolehi bahan-bahan monograf secara bercetak dan bahan media seperti buku, CD, DVD serta memproses bahan terbitan berkala secara bercetak secara belian untuk dijadikan koleksi PLH. Bahan rujukan ini akan diperolehi melalui pembelian yang menggunakan bajet mengurus dan komited yang diperuntukkan oleh universiti kepada PLH setiap tahun untuk dijadikan rujukan oleh semua warga UTeM dalam proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.

Perolehan buku

- Bahan rujukan yang dipesan merupakan bahan yang telah dicadangkan oleh staf akademik dan akan dibekalkan oleh pembekal yang terpilih kepada PLH. Merujuk kepada Jadual 4, pada tahun 2019 Unit Monograf telah diberikan peruntukan semasa sebanyak **RM 300,000.00** bagi tujuan membeli bahan rujukan.

Jadual 4: Peruntukan Buku 2019

| Perkara | Nilai (RM) | % |
|------------------------------|------------|-------|
| Peruntukan Tahun Semasa 2019 | 300,000.00 | 100 |
| Jumlah Komited | 277,011.20 | 92.34 |

- Unit Monograf telah membelanjakan 92.34% untuk perolehan bahan sebanyak 612 judul / 687 naskah daripada keseluruhan peruntukan yang diberikan. Penurunan sebanyak 6.8% bagi perbelanjaan yang komited daripada tahun 2018.
- Jadual 5 menunjukkan jumlah judul dan naskah bagi pesanan serta penerimaan bagi tahun 2019

Jadual 5 : Maklumat Pesanan dan Penerimaan

| 2019 | | |
|--------|------------|------------|
| | Pesanan | Penerimaan |
| Judul | 692 | 612 |
| Naskah | - | 687 |
| RM | 297,539.65 | 277,011.20 |

- Jadual 5 menunjukkan maklumat berkaitan pesanan dan penerimaan bahan rujukan bagi tahun 2019. Unit Monograf telah membuat pesanan sebanyak **692 judul** dengan jumlah **RM297, 539.65**. Walaubagaimanapun pembekalan pada tahun 2019 adalah sebanyak **612 judul** dengan **80 judul** bahan tidak dapat dibekalkan. Judul yang tidak dapat dibekalkan adalah kerana melebihi tempoh masa (pembekal tidak dapat membekalkan bahan), *out of stock, out of print* dan *market restricted*.

Perolehan Majalah Bercetak (Langganan)

- Pada tahun 2019, sebanyak **20 judul** majalah bercetak telah diperbaharui langganan dengan jumlah **RM3,423.11**. Jumlah langganan ini adalah menurun sebanyak 11.3% berbanding 2018 kerana terdapat 4 judul yang ditamatkan langganan. Senarai langganan majalah yang ditamatkan adalah seperti di jadual 6.

Jadual 6: Majalah Bercetak yang Ditamatkan Langganan

| BIL | JUDUL | JUSTIFIKASI |
|-----|---------|-----------------------|
| 1 | Harmoni | |
| 2 | I-Sihat | Ditamatkan Penerbitan |
| 3 | Mastika | |
| 4 | Wanita | |

- Senarai langganan majalah 2019 adalah seperti didalam jadual 7.

Jadual 7: Majalah Bercetak

| BIL | JUDUL | KEKERAPAN |
|-----|---|-----------|
| 1 | OIC Today Magazine | 3 |
| 2 | Dewan Bahasa | 12 |
| 3 | Dewan Ekonomi | 12 |
| 4 | Dewan Kosmik | 12 |
| 5 | Dewan Siswa | 12 |
| 6 | Impiana | 4 |
| 7 | Majalah Pa&Ma | 12 |
| 8 | Solusi | 12 |
| 9 | Business Today | 12 |
| 10 | Dewan Masyarakat | 12 |
| 11 | Forbes Asia | 10 |
| 12 | Journal Institution of Engineering Malaysia | 2 |
| 13 | Jurutera : buletin bulanan IJM | 12 |
| 14 | National Geographic | 12 |
| 15 | PC.Com | 12 |
| 16 | Keluarga | 12 |
| 17 | Businessweek | 45 |
| 18 | Fortune | 12 |
| 19 | The Economist | 51 |
| 20 | Time | 43 |

Unit Sumber Elektronik

Pengenalan

- Unit Sumber Elektronik merupakan satu unit di bawah Seksyen Pembangunan Koleksi. Unit ini bertanggungjawab untuk melanggan pangkalan data yang terdiri daripada e-jurnal, e-book, standard dan perkhidmatan yang boleh diakses secara atas talian untuk rujukan.
- Pangkalan data dan jurnal ini dilanggan mengikut bidang teras yang ditawarkan di UTeM dalam membantu proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.

Langganan Pangkalan Data

- Tahun 2019, Unit Sumber Elektronik telah melanggan sebanyak **10 judul** pangkalan data yang terdiri daripada e-jurnal, e-book, standard dan perkhidmatan untuk diakses oleh warga UTeM.
- Unit Sumber Elektronik telah menerima peruntukan sebanyak **RM3,300,000.00** bagi melanggan pangkalan data dan jumlah yang dibelanjakan adalah sebanyak **RM 2,171,280.66** iaitu 3.2% pertambahan daripada perbelanjaan 2018.
- Jadual 8 menunjukkan jumlah peruntukan dan peratus perbelanjaan untuk langganan pangkalan data.

Jadual 8: Peruntukan Langganan Pangkalan Data 2019

| Perkara | Nilai (RM) | % |
|------------------------------|--------------|-------|
| Peruntukan Tahun Semasa 2019 | 3,300,000.00 | 100 |
| Jumlah Komited | 2,171,280.66 | 65.80 |

- Senarai pangkalan data tersebut serta nama pembekal adalah seperti di Jadual 9.

Jadual 9: Senarai Pangkalan Data dan Harga 2019

| Bil. | Pangkalan Data | Jenis | Pembekal |
|------|---------------------------------|-----------|---------------------------------------|
| 1. | Access Engineering | e-Journal | Access Dunia Sdn. Bhd |
| 2. | Emerald Insight | | Emerald Publishing |
| 3. | Science Direct | | Elsevier |
| 4 | Ebscohost H.W.Wilson | | Ebscohost |
| 5. | ACM Digital Library | | Access Dunia Sdn. Bhd |
| 6. | ASME Digital Collection | | Access Dunia Sdn. Bhd |
| 7. | Proquest ebook Central (Ebrary) | | Access Dunia Sdn. Bhd |
| 8. | Knovel | | Elsevier |
| 9. | Serials Solution Summon | | Access Dunia Sdn. Bhd |
| 10. | Turnitin | | Perkhidmatan Apex Knowledge Sdn. Bhd. |

- Terdapat juga pangkalan data yang dilanggan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Sitasi & Infomatik dan boleh diakses oleh semua Universiti Awam. Senarai pangkalan data tersebut adalah seperti di Jadual 10.

Jadual 10: Senarai Pangkalan Data Langganan KPM 2019

| Bil | Pangkalan Data | Jenis |
|-----|--------------------------------|-----------|
| 1. | Ebsco Academic Search Complete | e-Journal |
| 2. | Scopus | |
| 3. | Proquest | e-book |

- Bagi tahun 2019, statistik penggunaan bagi kesemua pangkalan data adalah sebanyak 261,948 penggunaan iaitu penurunan sebanyak 26.8%. Manakala kos per penggunaan tahun 2019 adalah RM8.28 iaitu kenaikan sebanyak 40.82% berbanding tahun 2018.

Akses Percubaan Pangkalan Data

- Unit Sumber Elektronik juga telah menjalankan akses percubaan kepada pangkalan data *Proquest Central* daripada pembekal *Proquest LLC*. Akses percubaan ini bermula dari 28 Oktober 2019 sehingga 31 Disember 2019.

Unit Koleksi UTeM, Hadiah & Pertukaran

Pengenalan

- Unit Koleksi UTeM Hadiah & Pertukaran merupakan unit yang turut sama menyumbang kepada pembangunan koleksi Perpustakaan. Objektif utama unit ini adalah memperolehi bahan bacaan daripada institusi luar secara sumbangan, hadiah dan pertukaran serta mengumpul koleksi bahan bacaan yang diterbitkan oleh warga universiti.

Penerimaan Bahan Hadiah dan Sumbangan

- Sehingga 31 Disember 2019, penerimaan bahan bacaan secara sumbangan dan hadiah adalah sebanyak 1,089 judul / 1,364 naskah yang diterima daripada orang perseorangan, agensi luar seperti UA/US, jabatan kerajaan, swasta dan lain-lain lagi. Jumlah ini meningkat 37% berbanding penerimaan 2018.
- Jadual 11 menunjukkan jumlah penerimaan bahan sumbangan dan hadiah pada tahun 2019.

Jadual 11 : Penerimaan Bahan Hadiah Mengikut Jenis

| PENERIMAAN 2019 | | | |
|-----------------|-----------------|--------------|--------------|
| BIL | BAHAN | Judul | Naskah |
| 1 | Buku (Asal) | 1,086 | 1,357 |
| 2 | Standard | 0 | 0 |
| 3 | Laporan tahunan | 0 | 0 |
| 4 | Jurnal/Majalah | 0 | 0 |
| 5 | Bahan Media | 3 | 6 |
| JUMLAH | | 1,089 | 1,364 |

Koleksi UTeM

- Koleksi UTeM adalah bahan-bahan yang diterbitkan oleh warga UTeM dan bahan-bahan yang berkaitan dengan UTeM diterbitkan oleh bukan warga UTeM. Sebanyak 3,125 judul / 3,199 naskah telah diterima sepanjang tahun 2019. Jumlah ini menurun 45% berbanding penerimaan 2018.
- Jadual 12 menunjukkan jumlah penerimaan bahan Koleksi UTeM pada tahun 2019.

Jadual 12 : Penerimaan Bahan Hadiah Mengikut Jenis

| BIL | BAHAN | PENCAPAIAN 2019 | |
|-----|---------------------------|-----------------|--------------|
| | | Judul | Naskah |
| 1 | Buku Terbitan UTeM | 34 | 55 |
| 2 | Koleksi Melaka | 5 | 7 |
| 3 | Kertas Seminar | 0 | 0 |
| 4 | Buletin | 4 | 55 |
| 5 | Tesis | 101 | 101 |
| 6 | Projek Sarjana Muda (PSM) | 1,012 | 1,012 |
| 7 | PJP (PDF) | 58 | 58 |
| 8 | Kertas Soalan Peperiksaan | 813 | 813 |
| 9 | Teks Ucapan Naib Canselor | 2 | 2 |
| 10 | Bahan Digital | 1,096 | 1,096 |
| | JUMLAH | 5,681 | 5,798 |

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

1. Kempen Sumbangan Bahan Bacaan

- Kempen bahan bacaan yang bertemakan “Keep A Book Alive” merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan bagi memberi peluang kepada warga UTeM untuk berkongsi bahan bacaan serta membudayakan sikap cintakan buku di kalangan masyarakat.
- Di samping itu juga, program ini adalah salah satu langkah bagi mempelbagaikan lagi koleksi bahan perpustakaan yang sedia ada dan satu jaringan perkongsian maklumat di antara pengguna dan perpustakaan.
- Untuk tahun 2019, Seksyen Pembangunan Koleksi telah mengorak langkah ke hadapan dengan menempatkan kotak-kotak sumbangan bahan di tempat tumpuan orang ramai seperti di AEON Bandaraya Melaka, Kip Mall Bachang, Giant Cheng, Melaka Central dan Mahkota Parade bermula 1 Julai sehingga 31 Ogos 2019.
- Hebahan program juga telah dibuat melalui surat khabar Melaka Kini dan Sinar Harian bahagian Kampus UOLS pada 19 Julai 2019 bagi tujuan untuk makluman kepada orang ramai berkenaan program tersebut.
- Jadual 13 menunjukkan jumlah penerimaan bahan sumbangan dan hadiah serta anggaran harga bahan yang diterima sepanjang kempen ini.

Jadual 13: Penerimaan Bahan Hadiah Mengikut Jenis

| Bil | Tempat | Jumlah Bahan | |
|---------------|-----------------------|--------------|---------------------|
| | | Judul | Anggaran Harga (RM) |
| 1 | AEON Bandaraya Melaka | 30 | 2,263.80 |
| 2 | Kip Mall Bachang | 16 | 317.10 |
| 3 | Giant Cheng | 34 | 1,791.91 |
| 4 | Melaka Central | 6 | 236.75 |
| 5 | Mahkota Parade | 16 | 383.00 |
| JUMLAH | | 102 | 4,992.56 |

Gambar Kempen Sumbangan Bahan



Laporan Pelaksanaan Aktiviti READ@UNI Perpustakaan Laman Hikmah 2019

Kerajaan memandang serius berhubung senario semasa budaya membaca masyarakat Malaysia dalam pembacaan sebagai rekreasi dan literasi di semua peringkat. Sejak dua dekad yang lalu, kempen membaca yang dilaksanakan oleh kepelbagaian pihak dan peringkat masih belum mencapai tahap memuaskan. Usaha menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia sudah bermula sejak 1972 lagi menerusi projek Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang dinamakan Gerakan Membaca.

Kini, usaha berkenaan dihidupkan kembali dengan Kempen Membaca Kebangsaan bermula dari 2018 sehingga 2020 bagi mewujudkan negara membaca pada 2030 menerusi program Read@UNI.

Menggunakan slogan With Knowledge We Lead serta #Malaysiamembaca, Read@UNI adalah satu inisiatif kempen membaca untuk semua Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) di Malaysia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

UTeM khususnya melalui Perpustakaan laman Hikmah (PLH) komited dalam menyemarakkan kempen membaca Read@Uni menerusi pelbagai program dan aktiviti pembacaan seterusnya berharap dapat mempergiatkan aktiviti galakan membaca dalam kalangan mahasiswa, pensyarah seterusnya keseluruhan warga UTeM.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Sebanyak 34 aktiviti telah dilaksanakan mengikut perancangan tahunan PLH pada tahun 2019 ini dengan keseluruhan bajet bagi pelaksanaan Read@Uni oleh PLH adalah berjumlah RM 12,584 untuk tahun kewangan 2019.

Kemuncak kepada menyemarakkan Read@Uni ini adalah Pada 24 Oktober 2019, telah diadakan Majlis pelancaran yang dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi Universiti, Pegawai-pegawai Kanan, kakitangan universiti, mahasiswa serta wakil Universiti Awam dan Swasta. Majlis pelancaran disempurnakan oleh Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc., Pengurus Lembaga Pengarah UTeM (LPU) diiringi oleh YBhg. Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim, Naib Canselor UTeM dan Encik Isa bin Mohd Dom, Ketua Pegawai Maklumat.

Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan dilaporkan kepada pihak urusetia Read@ Uni peringkat kebangsaan sebagai tanda sokongan pelaksanaan di mana aktiviti yang dilaksanakan akan dimasukkan dalam laman sesawang Read@Uni Institusi Pendidikan Tinggi.

Berikut merupakan senarai aktiviti telah dilaksanakan oleh PLH dalam menyokong kempen pelaksanaan Read@Uni.

| Nama Aktiviti | Tarikh |
|---|-------------------------------|
| Pameran Fizikal : Alat muzik tradisional | 15 Jan 2019 |
| Pameran@Navigator : Kemudaran merokok | 15 Jan 2019 |
| Program pendidikan Pengguna : Kategori GRA/SR/RA | 21 Jan 2019 |
| Demo Pangkalan Data: Turnitin | 12 Feb 2019 |
| Pameran Informatif @Navigator : Kidney Health for Everyone Everywhere | 13 Mac 2019 |
| Read@UNI Corner | 1 Mac 2019 |
| Pameran Menteri Pendidikan 1965-2019 | 1 Mac 2019 |
| Sciencedirect & Scopus Training | 19 Mac 2019 |
| Online Database Training : Knovel & Summon | 20 Jun 2019 |
| <i>Book Donation Campaign</i> | 1 Julai sehingga 30 Ogos 2019 |
| <i>Reference Open House (ROH)</i> | 3 April 2019 |
| Talkshow Mesej Dari Penjara: Peluang Ke-2 | 3 April 2019 |
| Demo Pangkalan Data: ACM Digital Library & ASME Digital Collection Online 2tion | 10 April 2019 |
| Kuiz Online (Siri 2) | 22-26 April 2019 |
| Demo Pangkalan Data: Emerald Insight | 29 Mei 2019 |
| Snap & Win Contest | 21-31 Mei 2019 |
| Online Database Training : Knovel & Summon | 20 Jun 2019 |
| Kursus Penggunaan Google Scholar Dan Google Drive | 17-18 Julai 2019 |
| <i>Library Outreach@FPTT (Siri 1)</i> | 14 Ogos 2019 |

| | |
|---|------------------------------|
| Bengkel "Whole-Brain Speed Reading Secrets" | 21 Ogos 2019 |
| <i>Library Outreach (Siri 2)</i> | 18 September 2019 |
| Sembang Buku Bersama Khairul Abdullah: Mentaliti Masih Jamban | 25 September 2019 |
| Bengkel Penulisan Jurnal Berimpak | 2-3 Oktober 2019 |
| Bedah Buku Mazhab Bisnes Jepun Oleh Katana Circle Malaysia | 16 Oktober 2019 |
| Agency Talk @ Library: Inside Forensic | 23 Oktober 2019 |
| Bedah Buku Bersama PM Norliah Kudus:'Organisasi Pembelajaran Memacu Kecemerlangan Universiti' | 24 Oktober 2019 |
| Pelancaran Read@Uni 2019 | 24 Oktober 2019 |
| Pameran Jualan Buku, Agensi dan Kelab Pelajar | 24-25 Oktober 2019 |
| Info Hunt: "Hunt with the best" | 22 Oktober 2019 |
| <i>Scam & Al Awfar</i> | 27 Oktober 2019 |
| Campus Fun Run 5 KM | 16 November 2019 |
| <i>Highest Reader Award 2019: 2.0</i> | 31 Disember 2019 |
| <i>Book donation@uni</i> | Jan – Mei Sept-Dis |
| Kuiz Online (Siri 3) | 21 Oktober- 30 November 2019 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Anugerah Hijau Peringkat Negeri Melaka 2019

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) UTeM telah berjaya memenangi pingat perak bagi kategori Inovasi Hijau menerusi program Anugerah Hijau Negeri Melaka 2019 yang telah dianjurkan oleh Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM).



Sistem Pengurusan Tenaga UTeM (MaPTeP 2019) MALAYSIA MELAKA

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) sekali lagi menerima pengiktirafan dalam melaksanakan polisi tenaga di pusat tanggungjawab (PTj) berdasarkan Sistem Pengurusan Tenaga UTeM (MaPTeP) bagi tahun 2019 di mana PLH telah menerima penarafan dua (2) bintang berbanding tahun 2018 iaitu satu (1) bintang. Sijil penghargaan telah disampaikan oleh YB. Datuk Tey Kok Kiew, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi pada Majlis Penutup Program Penghayatan Alam Sekitar 2019 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (PPAS 2019 UTeM) bertempat di Arked Kolej Kediaman Lestari, UTeM pada 23 Oktober 2019.

Pengiktirafan ini bertujuan untuk mengekalkan momentum pelaksanaan polisi tenaga dan sebagai salah satu cara bagi memastikan kelangsungan pengurusan tenaga yang berkesan di PTj yang terlibat berdasarkan enam (6) elemen yang ditetapkan di dalam MaPTeP untuk pengurusan tenaga yang lestari.



Penarafan 5 Bintang Laman Sesawang PTj UTeM

Laman Sesawang Perpustakaan Laman Hikmah sekali lagi telah diiktiraf sebagai laman web PTj yang mendapat 5 bintang dari UTeM dalam Mesyuarat Penyelaras Laman Web PTj UTeM Bil.2/2019 pada 23 Disember 2019. Sebelum ini, PLH telah meraih 5 bintang pada tahun 2017.

PLH senantiasa membuat penambahbaikan portal secara berterusan untuk memastikan paparan yang lebih interaktif, grafik yang menarik, diterokai ramai dan mewujudkan pautan pantas bagi capaian utama kepada pengguna.

Ruang Operasi 24 Jam Perpustakaan Laman Hikmah (PLH)

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mengorak langkah maju ke hadapan bagi penyediaan perkhidmatan yang lebih efektif dan efisien lagi apabila secara rasminya telah memulakan Ruang Operasi 24 Jam PLH bertempat di Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib, FASc pada 17 Mei 2019 bertempat di Ruang Santai, Aras 1, PLH.

Ruang operasi 24 jam berkenaan dibuka kepada para mahasiswa UTeM sebagai salah satu langkah untuk bersaing dan menerokai pembaharuan bagi memastikan evolusi perkhidmatan yang dinamik selari dengan keperluan dan penzahiran Revolusi Industri (IR) 4.0.

